

قَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"NEGARA akan bertambah teguh dan makmur, asal saja pengorbanan kita itu menepati kehendak-kehendak syarak, insya-Allah." - Titah sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada 17 Mac, 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DEMIKIANLAH ajaran Allah dan siapa yang menghormati syair-syair agama Allah, maka dialah orang yang bertakwa kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin." - Surah Al-Hajj ayat 32.

TAHUN 47 BILANGAN 9

RABU 27 FEBRUARI, 2002/1422

رابع 14 ذوالحجه

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



PERHIMPUNAN AGUNG HARI KEBANGSAAN

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Menentukan kemajuan, kejayaan bangsa : Keupayaan bangsa mustahak diperingkat

- Muka 2

Umat Islam akan tetap terubat

- Muka 3

Kebawah DYMM, Presiden Croatia adakan rundingan

- Muka 4

Bincang isu keganasan

- Muka 6

Berkenan berangkat ke Majlis Korban

- Muka 8 & 9

Pemulihan ekonomi jangka pendek : \$85 juta telah dibelanjakan

- Muka 14

Pelaburan Lembaga TAP menjangkau B\$550 juta

- Muka 15

Bantu kerajaan majukan bangsa

- Muka 3 ANEKA

Pelan pemulihan ekonomi jangka pendek

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PEMANDU-PEMANDU yang melanggar lampu-lampu isyarat boleh didenda sehingga \$8,000.00 dan penjara 12 bulan bagi kesalahan pertama dan \$20,000.00 dan penjara tiga tahun bagi kesalahan kali kedua di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya Bab 68 Seksyen 28.

PERHIMPUNAN Agung Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara pada hari Isnin 25 Februari lalu. Sambutan gilang-gemilang dan penuh warna-warni itu berjalan selama hampir tiga jam. Lebih 10 ribu rakyat dan penduduk negara ini terlibat dalam perhimpunan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemerlang duli menghadiri perhimpunan itu. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen. (Berita lanjut di muka 12).

KONTAK PELITA BRUNEI

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm>

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507



دَعْنِ نَامَ اللّٰهِ يَغْمِهَا
ثَمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَايَغْ

Dari Sidang Pengarang

27 FEBRUARI, 2002 BERSAMAAN 1422 14 ذُو الْحِجَّةِ

BANGSA PERKASA NEGARA SEJAHTERA

TEMA Hari Kebangsaan Ke-18 berbunyi 'MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA' amatlah tepat bila mana Negara Brunei Darussalam dalam menempuh masa depan yang panjang memerlukan bangsanya yang berupaya untuk meneruskan kesinambungan pembangunan dan kemajuan. Keperluan negara memiliki bangsa Brunei yang berjiwa patriotik dan berdaya saing serta maju sangatlah mustahak sekali terutama dalam era globalisasi, ledakan teknologi maklumat dan dunia tanpa sempadan.

Dalam menghadapi setiap inci cabaran-cabaran masa kini yang semakin bertiup kencang menghendaki setiap kita, warga Brunei, khususnya para belia untuk melangkah lebih produktif dan dinamik. Menghendaki setiap rakyat dan penduduk lebih bekerja keras dan inovatif. Beriltizam, dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Yang utama, negara memerlukan anak jati Brunei yang berupaya bukan saja terus menandai kemerdekaan, tetapi mampu dan berupaya membawa negara ke mercu kejayaan dan kegemilangan.

Pencapaian ini membolehkan kita mampu bersaing dan menandingi bangsa-bangsa lain dalam mengejar kemajuan. Kita perlu menyedari senario dunia masa kini dengan pelbagai dimensi dan berubah dengan pantas. Kalau kita tidak dapat bergerak dengan nada yang cepat, madaallah berjalan secara perlahan, asalkan tidak jauh tertinggal. Apa yang mustahak, kita tidak mahu bangsa dan negara kita tertinggal dalam apa jua proses kemajuan.

Dalam hubungan ini, soal negara kita 'damit' dan penduduknya 'sekubi' tidak harus ditimbunkan. Apa yang penting ialah semangat dan iltizam untuk terus maju mesti mengalir dalam setiap diri warga Brunei. Kita tidak perlu banyak bercakap, mengkritik dan mempersoalkan itu ini, tetapi perlulah diingat bahawa tidak ada orang lain yang akan terus memajukan bumi Darussalam ini selain kita sendiri. Kita bertanggungjawab memajukan dan komited untuk mempertahankan kedaulatan dan kesejahteraan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Hari Kebangsaan baru-baru ini menekankan bahawa mempertingkatkan keupayaan bangsa atau negara adalah mustahak pada menentukan kemajuan, kejayaan dan kecermerlangan sesebuah negara, lebih-lebih lagi dalam konteks perkampungan global yang kompetitif serta dunia tidak bersempadan.

Walau bagaimanapun untuk mempertingkatkan keupayaan tersebut, kita perlu menilai, mengenal pasti dan mengatasi sebarang kelemahan atau kekurangan serta mengambil iktibar pengalaman dan perjalanan yang telah dilalui oleh masyarakat dan bangsa lain yang telah berjaya dan maju.

Menurut baginda, keupayaan kita mestilah menyerlah terutama di arena antarabangsa. Berupaya mengintai dan mengenal pasti peluang perdagangan dalam sektor atau industri untuk membolehkan kita mempunyai kelebihan, yakni 'competitive edge'. Bagi merealisasikan impian murni itu memerlukan komitmen dan ketabahan semua pihak, bukan setakat menyerahkan bulat-bulat kepada kerajaan atau sektor swasta. Setiap rakyat hendaklah sama-sama berganding bahu secara bersepadu pada menandai tugas dan tanggungjawab itu seperti kata pepatah 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'.

Kita juga perlu ingat, dalam memperkasa keupayaan bangsa, janganlah hendaknya digugat oleh gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan seperti keruntuhan moral, kebudayaan kuning dan penyalahgunaan dadah yang boleh memudaratkan bangsa dan negara. Maka untuk itu, keupayaan sebagai bangsa yang merdeka hendaklah diperkuatkan lagi dengan mengukuhkan institusi keluarga, menjaga keharmonian hidup berumah tangga, bermasyarakat dan bernegara, di samping taat dan patuh pada ajaran Allah.

Sempena Hari Kebangsaan 2002 ini, marilah setiap kita warga Brunei bersama-sama membarui azam dan tekad untuk terus bersatu padu mempertahankan keamanan dan kestabilan negara serta menjaga keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini. Dalam setiap tindak-tanduk kita, terutama dalam merancang dan melaksanakan setiap inci pembangunan dan kemajuan negara, perlunya kita berpandangan jauh, bijaksana, bersatu padu dan sentiasa komited. Berkat usaha gigih kita, semua matlamat dan cita-cita murni untuk negara dan bangsa akan dapat disaksikan kejayaannya. Insya Allah bangsa yang berupaya perkasa akan membawa negara ini meraih kemajuan, kemegahan dan kesejahteraan yang berterusan.

HALUAN...

Menentukan kemajuan, kejayaan bangsa.

Keupayaan bangsa mustahak dipertingkatkan

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wasalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengurniakan kita peluang untuk menyambut hari-hari yang bersejarah, sama ada ianya hari yang berkaitan dengan agama ataupun bukan.

ISTIMEWA

Pada tahun ini merupakan tahun yang sungguh istimewa, kerana 'dua' hari yang bersejarah dapat sama-sama dirayakan dengan serentak iaitu Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahi Hamd.

Aidiladha pada tahun ini turut menyaksikan keadaan umat yang kurang ceria, disebabkan dari beberapa kesan krisis dan pergolakan di mana-mana.

Dunia adalah sekolah sempit, apabila semua pihak tidak dapat lagi melepaskan diri dari merasakan bahangnya.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 pada 10 Zulhijah, 1422 bersamaan 23 Februari, 2002.

Namun alhamdulillah, Tuhan Maha Kaya Lagi Maha Luas Rahmat-Nya, di tengah-tengah kekusutan serta fikiran-fikiran yang berserabut itu, kita umat Islam masih ada cara untuk mengatasi ketegangan-ketegangan yang ada iaitu di antaranya dengan melakukan ibadat-ibadat kepada Allah.

Pada 10 Zulhijah, umat Islam di seluruh dunia akan melakukan sembahyang Aidiladha, manakala di Mekah Al-Mukarramah

pula, mereka itu sedang menjalani ibadat haji.

Kedua-dua ibadat ini akan menjadikan orang-orang Islam bulat serta hampir dengan Allah Subhanahu Wataala. Dan sebagai natijahnya, sesiapa juga yang bulat dan hampir dengan Allah, maka orang tersebut dengan sendirinya akan masuk dalam jaminan Allah sebagai orang yang dikurniakan ketenangan. Jiwa mereka menjadi tenteram serta sejahtera kerana ibadat itu.

TETAP TERUBAT

Insya Allah, kita orang-orang Islam akan tetap terubat dan terpelihara dengan adanya ibadat-ibadat yang disyariatkan itu.

Marilah kita berdoa semoga umat Islam sama-sama dipelihara dan dilindungi oleh Allah, khususnya para jemaah di Mekah pada masa ini.

Beta dan keluarga beta, dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini yang beragama Islam, di mana juga mereka berada.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahi Hamd.

KEUPAYAAN BANGSA

Kemudian kita beralih kepada Hari Kebangsaan. Pada tahun ini tema sambutan Hari Kebangsaan kita ialah MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA.

Ianya membawa maksud mempertingkatkan keupayaan atau martabat kita sebagai bangsa Brunei yang berdaulat lagi merdeka dan selaku anggota masyarakat antarabangsa, pada menghadapi pelbagai cabaran, dalam era yang sentiasa mengalami perubahan dan keadaan tidak menentu.

Mempertingkatkan keupayaan bangsa atau negara itu adalah mustahak pada menentukan kemajuan, kejayaan dan kecermerlangan sesebuah negara, lebih-lebih lagi dalam konteks perkampungan global yang kompetitif serta tidak bersempadan.

Di arena antarabangsa khususnya di bidang perniagaan, sebagai misalnya, keupayaan pada mengenal pasti adanya peluang-peluang perdagangan dalam sektor atau industri yang

SESUNGGUH

NYA program-program yang terkandung di dalam Rancangan Kemajuan Negara itu adalah semata-mata dihasratkan untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara kita.

tertentu sangatlah berguna untuk membolehkan sebuah negara itu mempunyai kelebihan, yakni 'competitive edge' dan dapat mendahului atau mengatasi saingan dari negara yang lain.

ATASI KELEMAHAN

Bagi maksud meningkatkan keupayaan tersebut, kita perlulah menilai, mengenal pasti dan mengatasi sebarang kelemahan atau kekurangan kita serta mengambil iktibar akan pengalaman dan perjalanan yang telah ditempuh oleh masyarakat dan bangsa lain yang telah berjaya dan maju.

Yang demikian itu sudah barang tentunya memerlukan komitmen dan ketabahan semua pihak, bukan saja setakat menyerahkannya kepada kerajaan atau sektor swasta, tetapi hendaklah sama-sama berganding bahu pada menandai tugas dan tanggungjawab ini secara bersepadu.

Seperti kata pepatah, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

BERPANDANGAN JAUH

Apa juga bangsa dan negara itu, mereka perlulah berpandangan jauh, bijaksana, bersatu dan komited dalam merancang serta melaksanakan strategi pembangunan dan kemajuannya.

Dalam hubungan ini, salah satu usaha kita pada meningkatkan keupayaan bangsa dan negara ialah melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi tempoh tahun 2001 hingga tahun 2005.

Lihat muka 3

PADA tahun ini merupakan tahun yang sungguh istimewa, kerana 'dua' hari yang bersejarah dapat sama-sama dirayakan dengan serentak iaitu Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18.

Jangan biarkan gejala sosial mudaratkan bangsa, negara Bersatu padu pertahanan keamanan, keharmonian

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah perlunya kita sama-sama membaharui azam dan tekad untuk terus bersatu padu mempertahankan keamanan dan kestabilan negara serta menjaga keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Bertitah sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 yang disiarkan ke seluruh negara pada 22 Februari lalu menerusi Radio dan Televisyen Brunei, baginda bertitah, azam dan tekad itu perlu diperba-

harui sempena Hari Kebangsaan tahun ini ke arah mempertahankan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini seperti mana yang telah sekian lama kita nikmati.

"Janganlah hendaknya usaha-usaha pada memperkasa keupayaan bangsa itu tergugat oleh gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan seperti keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya," titah baginda.

Ke arah itu, baginda mahukan dan penuh berharap agar agensi-agensi yang berwajib akan dapat meningkatkan usaha pada menangani masalah-masalah sosial supaya masalah sedemikian tidak

Oleh Haji Jaafar HI

melarat sehingga memudaratkan bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

keluarga serta menjaga keharmonian dalam hidup berumah tangga, bermasyarakat dan berne-

Menurut baginda lagi, perjalanan yang kita tempohi memang tidak sunyi daripada berbagai cubaan dan rintangan, namun berkat keimanan yang disusuli dengan usaha-usaha gigih, insya-Allah semua

"JANGANLAH hendaknya usaha-usaha pada memperkasa keupayaan bangsa itu tergugat oleh gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan seperti keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya," titah baginda.

Keupayaan kita sebagai bangsa merdeka, titah baginda hendaklah diperkuatkan lagi dengan mengukuhkan institusi

gara, di samping tekun menjalankan suruhan agama dan meninggalkan segala larangan-Nya.

matlamat dan cita-cita murni untuk negara dan bangsa akan dapat disaksikan kejayaannya.

Umat Islam akan tetap terubat

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bertitah bahawa sesiapa jua yang bulat dan hampir dengan Allah maka orang itu dengan sendirinya akan masuk dalam jaminan Allah sebagai orang yang dikurniakan ketenangan.

Sembahyang Aidiladha dan ibadat haji, titah baginda adalah merupakan dua ibadat yang akan menjadikan orang-orang Islam bulat serta hampir dengan Allah Subhanahu Wataala.

"Sebagai natijahnya, sesiapa jua yang bulat dan hampir dengan Allah, maka orang tersebut dengan sendirinya akan masuk dalam jaminan Allah sebagai orang yang dikurniakan ketenangan. Jiwa mereka menjadi tenteram serta sejahtera kerana ibadat itu," titah baginda sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari

Kebangsaan Ke-18 yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari lalu.

Insya-Allah, titah baginda lagi, orang-orang Islam akan tetap terubat dan terpelihara dengan adanya ibadat-ibadat yang disyariatkan itu.

Menurut baginda, Aidiladha tahun 2002 menyaksikan umat Islam kurang ceria disebabkan oleh beberapa kesan krisis dan pergolakan yang terjadi di mana-mana. Dunia seolah-olah sempit apabila semua pihak tidak dapat

lagi melepaskan diri dari merasakan bahangnya.

Walau bagaimanapun, titah baginda, di tengah-tengah kekusutan serta fikiran-fikiran yang bersebab itu, kita umat Islam masih ada cara untuk mengatasi ketegangan-ketegangan itu antaranya dengan melakukan ibadat-ibadat kepada Allah.

"Marilah kita berdoa semoga umat Islam sama-sama dipelihara dan dilindungi oleh Allah, khususnya para jemaah haji kita yang sedang berada di Mekah masa ini," titah baginda.

SEMBAHYANG Aidiladha dan ibadat haji, titah baginda merupakan dua ibadat yang akan menjadikan orang-orang Islam bulat serta hampir dengan Allah Subhanahu Wataala.

Dari muka 2

Ianya merupakan fasa ke-4 dan terakhir dalam rancangan pembangunan negara jangka panjang yang telah dimulakan kira-kira 16 tahun yang lalu.

MENGUATKAN EKONOMI

Bagi tahun 2002 ini, kerajaan telah menambah peruntukan kemajuan sebanyak 82 peratus yang membawa kepada 1 bilion ringgit untuk menguatkan lagi kegiatan ekonomi, bagi sasaran kadar pertumbuhan yang lebih positif.

Rancangan Kemajuan Negara kali ini memberikan lebih tumpuan kepada pembangunan sosioekonomi yang seimbang serta pemetaan pembangunan sumber manusia dan mengembang majukan perusahaan-perusahaan melalui peningkatan pelaburan dalam dan luar negeri.

Di samping itu, ianya menggalakkan kemajuan perkhidmatan-perkhidmatan termasuk perkhidmatan kewangan dan pelancongan serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara meluas.

Sesungguhnya program-program yang terkandung di dalam Rancangan Kemajuan Negara itu adalah semata-mata dihasratkan untuk menjamin

kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara kita.

Insya-Allah, ini akan dapat dicapai melalui pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang lebih berdaya tahan, yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan, memperbesar saiz sektor swasta dan sekali gus meningkatkan penglibatan secara aktif pengusaha-pengusaha tempatan.

PENGLIBATAN BERSAMA

Maka ke arah ini penglibatan bersama di antara sektor kerajaan dan sektor swasta adalah sangat mustahak, lebih-lebih lagi pada menggalakkan pelaburan asing, selain dari meningkatkan pelaburan dalam negeri, terutama sekali di dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Demikian pula perhatian terhadap penguasaan dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT perlulah terus diutamakan, sebagai salah satu usaha memperkasa keupayaan bangsa.

Kerajaan telah melancarkan beberapa projek yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi termasuk 'e-governement' bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan dalam perkhidmatan awam dan pentadbiran kerajaan.

BAHARUI AZAM

Maka bersempena Hari Kebangsaan kita ini, marilah kita sama-sama memperbaharui azam dan tekad untuk terus bersatu padu mempertahankan keamanan dan kestabilan negara serta menjaga keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk, seperti mana yang telah sekian lama kita nikmati.

Janganlah hendaknya usaha-usaha pada memperkasa keupayaan bangsa itu tergugat oleh gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan seperti keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya.

Agensi-agensi yang berwajib hendaklah meningkatkan usaha mereka pada menangani masalah-masalah sosial, supaya ia tidak melarat sehingga memudaratkan bangsa dan negara.

DIPERKUAT

Keupayaan kita sebagai bangsa yang merdeka hendaklah diperkuat lagi dengan mengukuhkan institusi keluarga serta menjaga keharmonian dalam hidup berumah tangga, bermasyarakat dan bernegara, di samping tekun menjalankan suruhan agama dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Perjalanan yang dilalui memang tidak sunyi daripada pelbagai cubaan dan rintangan, namun berkat keimanan yang disusuli dengan usaha-

Kebawah DYMM lahirkan penghargaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa serta para peserta yang terlibat dalam sama-sama menjayakan acara Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Baginda bertitah merakamkan penghargaan itu semasa bertitah Sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari lalu.

"Semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberkati dan membalas sumbangan ikhlas segenap pihak yang turut menjayakan sambutan tersebut," titah baginda.

"Beta tidak lupa juga merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta sektor swasta, di atas segala usaha dan sumbangan mereka yang ikhlas di bidang masing-masing," titah baginda.

Terdahulu dalam titah baginda, baginda menegaskan, tahun 2002 ini merupakan tahun yang sungguh istimewa, kerana 'dua' hari yang bersejarah dapat dirayakan dengan serentak iaitu Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18.

Tema Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah 'MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA'.

Menurut baginda, tema tersebut membawa maksud mempertingkatkan keupayaan atau martabat kita sebagai bangsa Brunei yang berdaulat lagi merdeka, dan selaku anggota masyarakat antarabangsa, pada menghadapi cabaran dalam era yang sentiasa mengalami perubahan dan keadaan tidak menentu.

usaha gigih kita, maka insya-Allah, semua matlamat dan cita-cita murni untuk negara dan bangsa akan dapat disaksikan kejayaannya.

Kita berdoa semoga segala rancangan kemajuan dan program yang diusahakan itu akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala jua, Amin Ya Rabbal 'Alameen.

PENGHARGAAN

Akhirnya, beta ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada sekalian ahli jawatankuasa serta para peserta yang terlibat dalam semua acara sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberkati dan membalas sumbangan ikhlas segenap pihak yang turut menjayakan sambutan tersebut.

Beta tidak lupa juga merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan serta sektor swasta, di atas segala usaha dan sumbangan mereka yang ikhlas di bidang masing-masing.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



RUNDINGAN DUA HALA ... Baginda dan TYT Tuan Stjepan Mesic semasa mengadakan rundingan dua hala di Istana Nurul Iman (bawah).



Menerima mengadap Presiden Croatia

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan menerima mengadap Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic dan Puan Milka Mesic di Istana Nurul Iman pada 21 Februari lepas.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di perkarangan Istana Nurul Iman.

Berangkat sama di Majlis Mengadap itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura

Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta ahli-ahli kerabat diraja.

Presiden Republik Croatia dan rombongan yang mengandungi 19 orang berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan kerja sehari. Lawatan tersebut bertujuan bagi mengeratkan dan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Bandar Seri Begawan dan Zagreb.

Rombongan Tuan Yang Terutama antaranya terdiri dari Puan Yang Terutama Puan Pave Zupan-Ruskovic, Menteri Pelancongan dan Puan Yang Terutama Dr. Vesna Cvjetkovic-Kurelec, Naib Menteri Luar Negeri.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Croatia telah menjalin hubungan diplomatik pada Mei 1998 dengan menandatangani kenyataan bersama antara kedua-dua buah negara di New York.

Republik Croatia yang terletak di Benua Eropah mempunyai lebih 4 juta orang penduduk di mana 1.2 peratus penduduknya beragama Islam.

KEMESRAAN DUA PEMIMPIN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic (kiri).

MENGALU-ALUKAN... Baginda semasa mengalu-alukan Presiden Republik Croatia sejurus tiba di perkarangan Istana Nurul Iman (kanan).

Oleh
Haji Jaafar HI

Kebawah DYMM, Presiden Croatia adakan rundingan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic telah membincangkan isu-isu kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin membincangkan isu-isu berkenaan semasa mengadakan mesyuarat dua hala yang berlangsung di Istana Nurul Iman sejurus selepas Majlis Mengadap pada 21 Februari lepas.

Rundingan yang dijalankan dalam suasana penuh kemesraan itu mengambil masa selama hampir 20 minit.

Berangkat sama ke perjumpaan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pendidikan dan Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber

Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Paduka Awang Haji Soyui bin Haji Othman.

Sementara pihak Republik Croatia juga dihadiri oleh Menteri Pelancongan, Puan Yang Terutama Tuan Pave Zupan-Ruskovic dan Naib Menteri Luar Negeri, Puan Yang Terutama Dr. Vesna Cvjetkovic-Kurelec serta beberapa orang pegawai kanan republik itu.

Presiden Republik Croatia berada di negara ini bagi lawatan kerja sehari yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan dan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Bandar Seri Begawan dan Zagreb. Hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara telah terjalin sejak tahun 1998 lagi.

Hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara dikukuhkan lagi melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana kedua-dua buah negara menjadi anggota badan dunia itu.

Dalam pada itu, kedua-dua buah negara juga akan berusaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala seperti dalam bidang pelancongan.

Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Pg. Rafee PDPHM

PENUH KEMESRAAN ... Baginda dan Presiden Republik Croatia membincangkan sesuatu dalam suasana penuh mesra dan akrab (kanan).

BERMESRA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berbual mesra bersama Puan Milka Mesic (bawah kiri).

BERANGKAT SAMA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta kerabat-kerabat diraja semasa berangkat ke Majlis Mengadap itu (bawah).





MENERIMA MENGADAP ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic, Presiden Republik Croatia dan Puan Milka Mesic di Istana Nurul Iman.



BERSALAMAN ... Baginda semasa mengalu-alukan Presiden Republik Croatia di perkarangan Istana Nurul Iman (atas).

BERBUAL MESRA ... Baginda dan TYT Tuan Stjepan Mesic membincangkan sesuatu semasa Majlis Santap Malam (bawah).



MENERIMA MENGADAP ... Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DTYM Pengiran Isteri semasa menerima mengadap Puan Milka Mesic.

Kebawah DYMM rai Presiden Republik Croatia

Oleh
Bolhassan HAB
dan Ak. Jefferi PD
Gambar-gambar
oleh
Pg. Rafee PDPHM

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan meraikan Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic dan Puan Milka Mesic di Majlis Santap Malam di Istana Nurul Iman pada 21 Februari lepas.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di perkarangan Istana Nurul Iman.



BAGINDA dan Presiden Republik Croatia berjalan beriringan menuju Baitul Rahmah bagi Majlis Santap Malam. Berangkat sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DTYM Pengiran Isteri.

Sebelum Majlis Santap Malam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap Presiden Republik Croatia dan isteri.

Berangkat sama di Majlis Mengadap dan Majlis Santap Malam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-

Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta ahli-ahli kerabat diraja.

Presiden Republik Croatia dan rombongan yang mengandungi 19 orang berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan kerja sehari. Lawatan tersebut bertujuan

bagi mengeratkan dan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Bandar Seri Begawan dan Zagreb.

KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DTYM Pengiran Isteri berjalan beriringan bersama Puan Milka menuju Baitul Rahmah. Berangkat sama DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DTYM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (bawah).



'RETREAT' MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN DI PHUKET

Berangkat tiba hadiri 'Retreat' Menteri-menteri Luar ASEAN

Laporan
Sahari Akim dari Phuket, Thailand

THAILAND. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Phuket bagi menghadiri 'Retreat' Menteri-menteri Luar ASEAN (ASEAN Foreign Ministers' Retreat) yang bermula pada 20 hingga 21 Februari, 2002.

Ketibaan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Hajah Zariah di Lapangan Terbang Antarabangsa Phuket pada 19 Februari lepas dijunjung oleh Timbalan Gabenor Phuket, Tuan Niran Kalayanamit; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Paduka Seri Awang Lim Jock Seng; Timbalan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Suchitra Hirunyapluks serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Duli Yang Teramat Mulia bersama rakan-rakan sejawat ASEAN yang lain juga menghadiri Perbincangan Tidak Rasmi dan Santap Kerja Tengah Hari (Retreat Working Lunch) serta Majlis Santap Malam Menteri-menteri Luar ASEAN, Setiausaha Agung ASEAN serta isteri masing-masing yang diberikan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Thaksin Shinawarta.

Perjumpaan Tidak Rasmi (ASEAN Foreign Ministers Retreat) kali ini dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.

K'sama ASEAN ditingkat

PHUKET. - Mesyuarat Tidak Rasmi sempena Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN antara lain membincangkan cara-cara untuk meningkatkan kerjasama ASEAN bagi melaksanakan keputusan-keputusan yang dipersetujui oleh ketua-ketua negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak di Bandar Seri Begawan pada November 2001.

Di mesyuarat tersebut para menteri luar juga membincangkan mengenai Kerjasama Asia Timur, Dialog Kerjasama Asia dan pelbagai isu serantau dan antarabangsa termasuk usaha-usaha menangani keganasan.

Isu keganasan dibincangkan secara meluas terutama usaha bersepadu untuk menangannya, di samping usaha ke arah menghapuskan meningkatnya tanggapan bahawa rantau ini merupakan medan keganasan.

Satu mesyuarat khas mengenai isu

keganasan dijadualkan akan diadakan di Kuala Lumpur pada April nanti.

Mesyuarat yang berlangsung di kawasan perantaraan menghala ke perairan Andaman pada 21 Februari lepas itu dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di mana Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.

Menteri-menteri Luar ASEAN juga mengkaji perkembangan program-program kerjasama ASEAN terutama sekali Inisiatif Bagi Rangka Kerja Integrasi ASEAN.

Sebelum mesyuarat 'retreat' yang berlangsung dalam suasana muhibah dan mesra itu bermula, para menteri luar ASEAN telah mengadakan sesi bergambar ramai berlatar belakang keindahan perairan Andaman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dijunjung oleh Timbalan Gabenor Phuket, Tuan Niran Kalayanamit sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Phuket. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Berangkat hadiri Santap Malam

PHUKET. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Hajah Zariah berangkat bersama para Menteri Luar ASEAN dan isteri ke Majlis Santap Malam Tidak Rasmi yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart Sathirthai, Menteri Hal Ehwal Luar Thailand.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ke majlis itu dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Menteri Hal Ehwal Luar Thailand dan Setiausaha Agung ASEAN.

Majlis Santap Malam Tidak Rasmi yang diadakan di Beach Front, Amanpuri Resort pada 20 Februari lepas bagi mengalu-alukan ketibaan menteri-menteri luar yang menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN yang berakhir 21 Februari 2002.

Semasa retreat tersebut para Menteri Luar ASEAN akan mengadakan perbincangan tidak rasmi mengenai perkembangan dalam ASEAN, isu-isu serantau dan antarabangsa.

Bincang isu keganasan

PHUKET. - Topik utama perbincangan menteri-menteri luar yang menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN tertumpu kepada kerjasama di kalangan negara anggota dalam menangani isu keganasan.

Buat pertama kalinya Menteri-menteri Luar ASEAN melahirkan secara jelas keazaman politik ASEAN di mana rantau Asia Tenggara akan bekerjasama dalam menangani keganasan dan bersetuju menyokong Mesyuarat Menteri-menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada April tahun ini.

Mesyuarat 'retreat'

tidak rasmi yang berlangsung pada 21 Februari itu juga bersetuju supaya ASEAN membuat langkah susulan terhadap keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 di Bandar Seri Begawan pada 5 November tahun lepas.

Para menteri luar juga melahirkan rasa gembira kerana semua anggota ASEAN mempunyai mekanisme tertentu untuk sama-sama menangani keganasan.

Dalam hubungan itu, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina telah pun menandatangani perjanjian kerjasama memerangi keganasan, manakala Thailand juga akan turut serta menandatangani perjanjian tersebut.

Selain dari itu ASEAN juga telah mempunyai rangka kerja dua hala dan pelbagai hala dalam usaha menangani keganasan.

Sementara itu dalam temu bual dengan wakil media, Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Ter-



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Hajah Zariah dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Menteri Hal Ehwal Luar Thailand sejurus berangkat tiba menghadiri Majlis Resepsi Menteri-menteri Luar ASEAN. - Gambar oleh Ramli Tengah.

utama Tuan Rodolfo Severino antara lain menegaskan, walaupun isu keganasan menjadi topik utama perbincangan namun pengintegrasian ekonomi kekal menjadi agenda utama pertubuhan tersebut.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN merupakan pertemuan pertama peringkat tertinggi ASEAN selepas Sidang Kemuncak Ke-7 di Bandar Seri Begawan penghujung tahun lepas.

ASEAN dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Vietnam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berangkat bersama rakan-rakan sejawat ASEAN menghadiri Majlis Santap Malam Tidak Rasmi di Beach Front, Amanpuri Resort, Phuket. - Gambar oleh Ramli Tengah.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

SUNGAI BRUNEI AIRNYA TENANG ...

DEMIKIAN antara lirik lagu Brunei yang dihasilkan oleh Shukri Zain dan lagunya digubah oleh Idris Mohammad. Lagu ini merupakan salah satu dari beberapa usaha orang lama yang merakamkan pahatan minda mengenai rasa cinta dan kasih sayang mereka terhadap negara dan bangsanya. Ia merakamkan suasana di ketika lagu itu dihasilkan yang penuh dengan rangkaian seni suara dan muzik sambil menggambarkan kerukunan berbangsa dan bernegara, fahaman bersaudara dan bermasyarakat yang diperkukuhkan dengan ajaran-ajaran agama Islam telah juga disalurkan secara halus lagi indah berseni. Namun ada kekhawatiran yang menolak rasa bimbang apabila tersisip antara liriknya yang berbunyi: "... Kampong Ayerku diuji zaman !!!".

Mungkin kebimbangan Shukri Zain terhadap untung nasib dan masa depan Kampong Ayer sudah lama berlatar dalam pemikirannya, lama sebelum lagu itu dihasilkan. 'Kampong Ayer diuji zaman' semacam memahatkan bakal berlakunya sesuatu yang menggamit perasaan dan tidak mudah dilupakan oleh anak-anak bangsa yang pernah tumbuh dan berkembang subur di dalamnya. Kampong Ayer yang pernah menjadi pusat pemerintahan negara, menurut nukilan sejarahnya, adalah juga menjadi kebanggaan bangsa dan juga merupakan warisan yang tidak boleh ditukar ganti. Itulah rakaman sebuah cinta yang tidak mudah dipisah-pisahkan. Namun rasa cinta ini dilakukan oleh beberapa peristiwa. Yang paling menyayat ialah tragedi kebakaran demi kebakaran yang juga seolah-olah langsung membakar hati nurani penghuni dan juga yang senantiasa merindunya.

Tragedi kebakaran Kampong Ayer bukan tidak pernah berlaku di awal period pertumbuhannya. Kebakaran di Kampong Tamoi atau yang dipanggil sebagai 'Angus Tamoi' kira-kira enam puluh tahun yang lalu dianggap yang terbesar pada zamannya. Orang-orang lama menganggapnya sebagai satu kejadian yang tetap tercatat dalam sejarah selain dari serangan penyakit yang membawa peristiwa yang 'mengubur di kubur' pada sekitar period yang berhampiran. Ada yang mengatakan bahawa penyakit itu ialah cirit-birit. Ada yang mengatakannya sebagai 'penyakit rahmat' dan yang terakhir dikatakan sebagai penyakit kolera atau taun. Selain dari itu, penyakit 'ketumbuhan' (cacar) yang jangkit-jangkit merebak hampir kebanyakan penduduk dan ramai yang meninggal atas asbabnya. Pada masa ini, soal penyakit yang demikian itu tidak susah untuk disembuhkan kerana kemudahan perubatan yang cukup bagus dan kita senantiasa dalam keadaan sihat walafiat. Namun yang bercorak bencana lama dan bencana-bencana lain yang sukar diramal adalah sesuatu yang rumit untuk ditangani. Lantaran yang demikian, Kampong Ayer mengalami kekerapan berlakunya kebakaran dibandingkan dengan bencana-bencana yang lain.

Di awal 1950-an pernah berlaku kebakaran yang besar di Kampong Khatib Sulaiman. Tidak lama selepas itu berlaku pula kebakaran di Kampong Setia Pahlawan. Kedua-dua kebakaran itu memusnahkan rumah-rumah yang berkenaan tetapi tidak merebak ke rumah-rumah lain. Kebakaran itu tidak melarat. Ini mungkin disebabkan jarak dari sebuah rumah ke sebuah rumah tidak terlalu berdekatan dan tiupan angin juga agak sederhana. Sementara 'Angus Tamoi' dikatakan angin ketebulan bertipu kencang dan api menjilat ke rumah-rumah lain dan hampir memusnahkan kampung tersebut. Ada yang mengumpamakan bahawa kebakaran tersebut menyebabkan Kampong Tamoi sebagai 'tinggal tunggu'. Sebab-sebab lain yang memungkinkan senangnya kebakaran merebak ialah keadaan rumah-rumah itu dibina. Kebanyakan rumah-rumah tersebut dibina dari bahan-bahan semula jadi seperti tiang kayu, atap daun nipah dan dinding daun atau kajang, berlantaikan nibung atau buluh. Belum banyak yang beratap zink, berdingding papan dan berlantai papan. Hanya dalam dan selepas tahun 1950-an baharulah kelihatan rami orang-orang yang berkemampuan mendirikan rumah-rumah yang diperbuat dari atap bulian, atap zink, lantai papan dan berdingding papan selain dari kayu-kayu keras yang bermutu untuk dijadikan tiang, penyucuk, gelagar dan lain-lainnya.

Namun demikian, terdahulu dari period itu terdapat juga beberapa rumah yang cukup kukuh dan cantik menurut seni bina yang ada pada waktu itu seperti yang dapat dilihat di Kampong Sungai Kedayan, Sumbiling Lama, Bendahara Lama, Pemancha Lama, Lorong Dalam, Burong Pinggai dan Kampong Saba. Yang ampunya rumah-rumah kukuh yang demikian itu tentulah terdiri dari orang-orang yang berada dan orang-orang yang ada nama atau disampiri gelaran selain dari orang-orang biasa tetapi kuat berungkay dan gemar kepada seni bertukang. (Baik benar kalau ada pihak yang dapat mengungkap kajian 'tentang perumahan Brunei dahulu dan sekarang' yang tidak setakat dari sudut seni bina bahkan pengkhususan kayu-kayu yang tertentu untuk bahagian yang tertentu, yang bernama kayu keras dan kayu licik selain dari pantang larang termasuklah apa yang dinamakan 'gajah menyusu', fatwa-fatwa meletakkan pintu besar dan saiznya dan banyak lagi yang belum dikaji. Elok jika ada pembukuan lengkap ala ensiklopedia).

Berbalik kepada kebakaran di masa silam itu, ia berlaku tidak setakat rumah-rumah sahaja tetapi juga ke atas bangunan-bangunan kedai dan ada juga kapal yang terbakar. Salah sebuah kapal yang terbakar itu bernama 'Salitrong' yang dipunyai oleh seorang taukeh Brunei. Kebakaran 'rumah estet getah' juga ada. Dan dalam era Brunei moden berlaku kebakaran demi kebakaran terutama sekitar Kampong Ayer sehingga memakan korban. (Sudut ini juga baik dikaji dan dibuktikan). Kalau tidak khusus, ianya boleh disatukan dalam 'perumahan dahulu dan sekarang' yang disebutkan di atas itu.

Demikianlah antara nasib malang yang diterima oleh Kampong Ayer. Mudah-mudahan ia tetap selamat sekalipun terpaksa menghadapi ujian-ujian yang tidak setakat bencana tetapi rempuhan-rempuhan yang berkaitan dengan perkembangan sosial. Untuk mempertahankan identitinya itu tidak lain melainkan penghuni-penghuninya yang bersemangat tinggi melalui ungkay-ungkay yang positif agar kepuasan cinta dan kasih sayang terhadapannya berbaloi apabila Kampong Ayer terus menjadi pasak masyarakat yang berbudaya, penyayang, berhati mulia, pemedulian dari segala ciri yang ditinggalkan penghuni-penghuninya di masa silam.



KETIBAAN Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Lawatan kerja Presiden Croatia

BERAKAS. - Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic dan isteri, Puan Milka Mesic tiba ke negara ini pada 21 Februari lepas bagi lawatan kerja selama sehari.

Ketibaan Tuan Yang Terutama bersama rombongan seramai 19 orang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku menteri pengiring.

Antara yang menyertai rombongan Tuan Yang Terutama terdiri daripada Menteri Pelancongan, Puan Pave Zupan-Ruskovic; Naib Menteri Luar Negeri, Dr. Vesna Cvjetkovic-Kurelec; Penasihat Kepada Presiden Bagi Sains dan Pendidikan, Tuan Esad Prohic; Penasihat Khas Tuan Yang Terutama, Tuan Budimir Loncar; Duta

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Besar dan Ketua Protokol, Puan Milada Privora dan Penasihat Dasar Luar Negeri kepada Presiden, Tuan Tomislav Jakic.

Semasa berada di negara ini Tuan Yang Terutama telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengadakan mesyuarat dua hala bersama baginda.

Tuan Yang Terutama juga mengadakan lawatan ke Muzium Brunei dan Bangunan Alat Kebesaran Diraja.

Peraduan Menulis Khat ASEAN dan Nasional Tahun 1423 Hijrah/2002 M

PUSAT Da'wah Isamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama kini menganjurkan Peraduan Menulis Khat Peringkat ASEAN dan Peringkat Nasional Tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi. Peraduan Menulis Khat Nasional adalah dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap di negara ini sahaja, sementara Peraduan Menulis Khat ASEAN adalah terbuka kepada penulis-penulis khat (Islam) di kawasan negara-negara ASEAN.

5. Dengan menulis ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis adalah diharapkan akan dapat menjadi saluran/media dakwah untuk mendampingi keindahan Al-Quran melalui seni khat dan menghayati pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya.

hubungi terus Urusetia Peraduan di Pusat Da'wah Isamiah dan dari Bahagian Da'wah Isamiah di daerah-daerah.

Setiap penyertaan hendaklah dihantar kepada jawatankuasa penganjur tidak lewat pada 17 Rabiulawal, 1423 Hijrah bersamaan 30 Mei, 2002 (hari Khamis) jam 4.00 petang iaitu kepada:

Setiausaha, Peraduan Menulis Khat ASEAN dan Nasional Tahun 1423/2002 Masihi, Pusat Da'wah Isamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kampong Pulaie, Berakas BB 4130, Negara Brunei Darussalam.

Tema: 'Dakwah Melalui Keindahan Seni Khat'

TUJUAN PERADUAN:

1. Untuk memperkenalkan seni khat Islam yang menjadi salah satu unsur peradaban dan tamadun Islam.
2. Menggalakkan penulis-penulis bergiat dalam penulisan seni khat.
3. Menjadikan seni khat sebagai wadah untuk mengisi kesinambungan tulisan jawi (Arab Melayu) sebagai warisan tamadun Islam di Alam Melayu.
4. Untuk mendekatkan lagi umat Islam menikmati keindahan seni khat.

Sebanyak empat kategori jenis tulisan diperandingkan dalam peraduan tersebut iaitu:

Kategori A Tulisan Thuluth
Kategori B Tulisan Nasakh
Kategori C Tulisan Riq'ah
Kategori D Tulisan Dewani
Borang-borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan tersebut bolehlah diperolehi dari kedutaan-kedutaan, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di negara-negara ASEAN atau meng-

TEKAD PEMEDULIAN (TPOR)

Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Bhg. 1)

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Bantuan Kebajikan Am (bulanan) bagi janda, balu, anak-anak yatim, orang cacat atau uzur yang miskin.	1 bulan 1 bulan ke atas (bagi yang bermasalah)
2.	Bantuan Bencana Alam seperti kebakaran, tanah runtuh, angin kencang dan banjir: a. Bantuan makanan/pakaian untuk tempoh 1 minggu. b. Bantuan kewangan.	1 - 3 hari 2 - 3 minggu
3.	Pencen Umur Tua dan Orang Cacat mengikut Akta Pencen Umur Tua dan Cacat 1954 a. Permohonan Pencen Umur Tua b. Permohonan Pencen bagi Orang Cacat	1 minggu - 1 bulan (bagi permohonan yang lengkap/tiada masalah). 3 bulan atau lebih (bagi yang tidak lengkap/bermasalah). 1 - 3 bulan (bagi permohonan yang lengkap/tiada masalah). 3 bulan atau lebih (bagi yang tidak lengkap/bermasalah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda baginda berangkat menyertai Islam menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiulap (kiri). Sementara gambar kanan, baginda dan putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah, sebelum menunaikan Aidiladha.

Sembahyang Aidiladha bersama ribuan masyarakat Islam

KIULAP. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyertai ribuan masyarakat Islam di negara ini menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha pada 23 Februari lepas.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi majlis.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah


Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang Sunat Aidiladha diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili, manakala khutbah telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja juga telah berkenan menerima junjung ziarah daripada ribuan jemaah sejeurus selesai menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha.



Liputan Bolhassan dan Awangku Je Gambar-gambar Pengiran Rafee P dan Masri Osm



KHUTBAH Hari Raya Aidiladha telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan daging-daging baginda dan putera-putera baginda berkenan menyaksikan penyembelihan bahan tausiyah dan gambar bawah kanan, para petugas bergotong-royor



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KORBAN

KIULAP - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan ke Majlis Korban baginda sendiri dan keluarga baginda di perkarangan Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiulap pada 23 Februari lepas.

Kebangkitan baginda dijunjung oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi majlis.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Korban dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya dijunjung berangkat ke tempat penyembelihan binatang korban berserta putera-putera baginda.

Penyembelihan korban dimulakan sendiri oleh baginda diikuti oleh putera-putera baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pada Hari Raya Aidiladha


tahun 1422 Hijrah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk melaksanakan ibadah korban bagi diri baginda dan ahli keluarga baginda iaitu 14 ekor kambing bagi baginda sendiri dan 30 ekor sapi untuk ahli keluarga baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan mengurniakan daging-daging korban tersebut kepada sebahagian 20 orang penerima yang ditentukan dari keempat-empat daerah di seluruh negara.

Majlis Korban juga turut diserikan dengan persembahan tausiyah oleh penuntut-penuntut Maktab Pengurusan Ugama Seri Begawan Sultan, manakala doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memulakan penyembelihan korban.



dua orang penerima (gambar atas kiri). Sementara gambar atas, korban. Manakala gambar bawah kiri, majlis diserikan dengan persembahan-daging-daging korban.



BAGINDA bersama putera-putera dan adinda baginda berkenan menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyembelih korban.

SEKILAS TINJAU RKN KE-8

ICT SALAH SATU KEUTAMAAN

TEKOLOGI maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan salah satu elemen penting dalam bidang pengurusan, perkhidmatan dan kini telah menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat moden. Ledakan ICT dalam era globalisasi, era digital dan ekonomi baru menghendaki masyarakat celik komputer dan celik IT.

Memandangkan pentingnya ICT dalam mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang di samping untuk dapat bersaing di arena antarabangsa, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menjadikan ICT sebagai salah satu keutamaan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (2001 - 2005).

PROSPEK DAN PROGRAM DALAM RKN KE-8

Dalam RKN Ke-8, teknologi maklumat telah diberikan penekanan dalam pembangunan sosioekonomi negara. Bagi tempoh lima tahun yang akan datang, sejumlah B\$526 juta atau 7.2% daripada jumlah peruntukan kemajuan telah dikhaskan bagi menyediakan infrastruktur asas IT sebagai langkah ke arah penubuhan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan IT yang moden dan canggih. Dengan adanya peruntukan itu maka beberapa program yang telah disusun oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (BIT) dan langkah-langkah untuk mewujudkan 'e-government' akan dapat berjalan dengan lancar dan efisien.

Untuk mencapai matlamat bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat siber di rantau ini, kemudahan untuk mewujudkan pusat tersebut perlu dipertimbangkan.

Usaha kerajaan bagi menubuhkan 'e-government' melibatkan penggunaan komputer yang meluas dalam perhubungan dan urusan antara jabatan dengan jabatan, pihak swasta, orang ramai dan penduduk-penduduk kampung. Selain daripada itu, melalui inisiatif BIT, juga akan diwujudkan termasuklah 'e-business' dan 'e-trade' bagi membolehkan urusan-urusan dilaksanakan secara elektronik.

IT dijangka akan menghasilkan kesan yang positif ke atas proses pembangunan negara kerana penggunaannya akan diberikan galakan secara meluas bukan saja dalam kerajaan, tetapi juga di sektor swasta di pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah.

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan pada awal tahun 2001 akan memastikan lagi bidang pembelajaran komputer diberi perhatian penuh dalam pendidikan.

Dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan di semua peringkat pentadbiran di sektor kerajaan, kemudahan-kemudahan yang membolehkan urusan di antara kerajaan dan orang ramai dibuat melalui internet atau laman web kementerian-kementerian yang sedia ada akan diperluaskan.

Pihak swasta juga digalakkan untuk lebih berinovasi dalam meningkatkan laluan bagi perkhidmatan internet. Sehubungan dengan itu, beberapa buah syarikat tempatan dijangka akan membuat perjanjian dengan kerajaan bagi mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan BruNet.

Dalam pada itu, bagi mengelakkan 'digital divide', kerajaan juga menyediakan perkhidmatan komputer di kampung-kampung dan masjid-masjid. Walaupun pengimportan komputer besar jumlahnya dan boleh melakukan kerja-kerja yang canggih, penggunaannya masih lagi terhad kepada memproses perkataan (word processing) dan penggunaan yang sangat sedikit untuk pengurusan dan kerja-kerja kreatif dan inovatif.

DALAM tempoh lima tahun yang akan datang, kerajaan akan mempertingkatkan infrastruktur telekomunikasi bagi penggunaan meluas IT dengan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan dan pembelajaran dalam bidang IT bagi mewujudkan sumber manusia yang terlatih dan seterusnya membuka peluang kepada pihak swasta untuk lebih inovatif dan kompetitif.



GAMBAR HIASAN.... Usaha kerajaan bagi menubuhkan 'e-government' yang melibatkan penggunaan komputer yang meluas dalam perhubungan dan urusan antara jabatan dengan jabatan, pihak swasta dan orang ramai juga terkandung dalam RKN Ke-8.

Oleh itu, dalam RKN Ke-8, penggunaan komputer akan lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti yang lebih produktif, kreatif, inovatif dan menguntungkan.

Undang-undang yang mengawal selia industri IT, pengawalan data dan keselamatan perdagangan melalui internet dijangka akan digubal dalam tempoh RKN Ke-8.

PERUNTUKAN

Peruntukan sebanyak B\$526.0 juta atau 7.21% dari jumlah peruntukan kemajuan akan disediakan dalam RKN Ke-8 bagi melaksanakan program dan projek yang berkaitan dengan IT seperti penyediaan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur bagi mewujudkan 'e-government'.

MANFAAT

Perkembangan yang pesat dalam bidang IT disertai dengan alat komunikasi

yang canggih akan membolehkan perhubungan setempat dan antarabangsa yang lebih berkesan diwujudkan dalam tempoh RKN Ke-8. Penghayatan dan penggunaan ICT sepenuhnya boleh membawa kemajuan-kemajuan di bidang e-kerajaan, e-industri, e-dagang, e-pendidikan, e-ekonomi dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti itu dijangka akan membuka peluang-peluang baru dalam kegiatan ekonomi dan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan peluang-peluang pekerjaan.

Dalam tempoh lima tahun yang akan datang, kerajaan akan mempertingkatkan infrastruktur telekomunikasi bagi penggunaan meluas IT dengan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan dan pembelajaran dalam bidang IT bagi mewujudkan sumber manusia yang terlatih dan seterusnya membuka peluang kepada pihak swasta untuk lebih inovatif dan kompetitif.



PERKEMBANGAN pesat dalam bidang IT juga dikembangkan dalam pendidikan sekolah, termasuk sekolah-sekolah rendah dan institusi tinggi di negara ini.

SUSUNAN SAHARI AKIM

LATAR BELAKANG

Penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam kerajaan bermula sejak tahun 70-an. Penggunaan komputer mula digunakan di beberapa buah jabatan bagi mengambil alih sistem manual dalam melaksanakan dan mengurus kerja-kerja banci penduduk, perangkaan, pembayaran gaji, pengeluaran bil-bil tuntutan dan maklumat pemilikan tanah.

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaan penuh pada tahun 1984, penggunaan IT oleh kerajaan dan swasta telah meningkat. Kerajaan memperkenalkan Program Teknologi Maklumat (TEMA) bagi perkhidmatan awam pada tahun 1995 dan menaikkan taraf Bahagian Teknologi Maklumat di Kementerian Kewangan sebagai sebuah jabatan pada bulan Januari, 1996 melalui pencantuman dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara yang kini dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Pada tahun 1995, perkhidmatan BruNet telah dimulakan bagi memudahkan negara menghubungi internet. Dalam tempoh RKN Ke-7, kemajuan dalam IT memberi kesan yang besar ke atas proses pembangunan negara dan cara hidup rakyat dan penduduk.

Kesan itu akan lebih banyak lagi dirasakan dalam tempoh RKN Ke-8. Menyedari akan potensi IT, usaha akan ditumpukan ke arah penggalakan penggunaan dan pemakaian komputer secara meluas. Dalam hubungan ini, infrastruktur IT akan diperluas di mana beberapa projek dan program kemajuan akan dilaksanakan bagi mempercepat penggunaan IT dalam pelbagai sektor ekonomi dan pentadbiran negara.

PERKEMBANGAN DALAM RKN KE-7

Sektor kerajaan dan swasta telah sama-sama membuat pelaburan dalam menyediakan peralatan dan perisian komputer dengan tujuan untuk memudahkan penggunaan IT dengan lebih berkesan dalam pengurusan serta pengeluaran perkhidmatan dan barangan.

Berikutan pesatnya perkembangan IT, pembangunan infrastruktur IT seperti rangkaian telekomunikasi dan perkhidmatan serta latihan yang berkaitan dengan IT telah dipertingkatkan selari dengan permintaan terhadapnya.

Perkembangan dalam RKN Ke-7 termasuklah pengenalan laman-laman web oleh beberapa organisasi tempatan dan laman web rasmi kerajaan yang diimbangi oleh laman-laman web beberapa buah jabatan dan kementerian. Dengan menggunakan kemajuan IT dalam bidang teknologi 'Smart Card' dan Biometric, Negara Brunei Darussalam merupakan negara pertama di dunia yang menggunakan teknologi tersebut untuk menghasilkan Kad Pengenalan Pintar pada bulan Ogos, 2000.

Di tahun yang sama Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan 'e-tender' kepada kontraktor bagi mengimbangi prosedur tawaran yang sedia ada. Dalam tahun 2000, kerajaan memperuntukkan sejumlah B\$13.3 juta bagi pelaksanaan dua projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diselesaikan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2001.

Dua projek dilaksanakan mengandungi penambahan dan peningkatan sistem BruNet yang berharga B\$2.0 juta dan penyerapan komputer ke sekolah-sekolah kerajaan di seluruh negara berharga B\$11.3 juta.

Kedua-dua projek tersebut bertujuan untuk membudayakan penggunaan komputer dan internet secara meluas di kalangan generasi muda bagi memperolehi pengetahuan yang berguna ke arah masyarakat berilmu yang menjadi asas bagi kemajuan tenaga manusia masa hadapan.

Bagi meningkat dan menggalakkan penggunaan IT oleh belia tempatan di negara ini, inisiatif seperti Pertandingan Komputer Kebangsaan (Inforama) dan Perkhidmatan Teknologi Komunikasi Maklumat juga telah diadakan.

Penggunaan komputer peribadi (PC) di jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, pusat-pusat pengajian tinggi dan juga sekolah-sekolah telah meningkat di mana jumlah komputer peribadi yang diimport sejak tahun

SEKILAS TINJAU RKN KE-8

Dari muka 10

ICT SALAH SATU KEUTAMAAN

1996 hingga bulan Jun, 2000 berjumlah 387,187 buah. Agensi kerajaan yang terlibat dalam menggunakan perkhidmatan IT juga meningkat dari 36 buah pada tahun 1996 kepada 40 buah pada tahun 2000 manakala sumber manusia dalam bidang IT meningkat dari 201 orang kepada 297 orang dalam tempoh yang sama dan nisbah penggunaan komputer kini ialah satu bagi setiap empat pengguna.

Bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang celik IT, kerajaan telah menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian dalam bidang IT dan menggalakkan penggunaan komputer sepenuhnya dalam pentadbiran.

Beberapa buah bank tempatan telah memberikan Skim Pinjaman Khas kepada pelajar-pelajar dan orang ramai untuk membeli dan memiliki komputer peribadi.

Dengan kemudahan dan galakan yang disediakan oleh kerajaan bagi orang ramai melayari internet melalui perkhidmatan BruNet, jumlah pelanggan BruNet telah meningkat dari hanya seramai 819 orang apabila mula diperkenalkan pada Ogos 1995 kepada 13,860 orang pada tahun 1999.

Untuk memenuhi permintaan perkhidmatan internet yang semakin meningkat di negara ini, Jabatan Telekom Brunei (JTB) dalam tahun 2000 telah membuat perjanjian dengan Syarikat UUNet dari Amerika Syarikat untuk memberikan negara laluan yang lebih luas kepada rangkaian internet global. Perjanjian ini

membolehkan pengaliran data, video dan perkhidmatan multimedia dengan kualiti dan kapasiti yang lebih tinggi.

Pada tahun 2000 juga, JTB telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan tambah nilai kepada perkhidmatan BruNet seperti 'e-speed' bagi penghantaran data yang cepat dengan harga yang termampu. JTB juga memperkenalkan 'netkad pra-bayar' dulu untuk melayari internet.

Syarikat-syarikat komersil yang menyediakan perkhidmatan IT telah tumbuh dengan pesatnya di dalam tempoh RKN Ke-7 di mana perkhidmatan yang diberikan adalah sangat kompetitif.

Dalam bulan Oktober 2000, DST Sendirian Berhad telah memperkenalkan 'SimpurNet' untuk memberi perkhidmatan alternatif bagi melayari internet. Selain dari itu tiga buah lagi syarikat telah diberikan lesen untuk menyediakan perkhidmatan alternatif yang lebih baik iaitu QAF, Royal Brunei Technical Services Sendirian Berhad (RBA) dan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) tetapi syarikat-syarikat ini belum lagi memulakan operasi masing-masing.

Bagi merancang, melaksana dan memantau penggunaan IT di seluruh negara, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (BIT) telah ditubuhkan. Selain daripada itu, langkah-langkah untuk mewujudkan 'e-government' juga telah dilaksanakan.



PENGHAYATAN dan penggunaan ICT sepenuhnya boleh membawa kemajuan di bidang e-kerajaan, e-industri, e-dagang, e-ekonomi dan lain-lain.



TIMBALAN Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim ketika hadir di Majlis Pembukaan Mesyuarat Ahli-ahli Badan Eksekutif CONSAL XII Ke-3.

Kemahiran di bidang perpustakaan diperlukan

JERUDONG. - Negara Brunei Darussalam, walaupun merupakan sebuah negara kecil, namun masih mampu bersaing dengan negara-negara ASEAN yang lainnya di dalam pengurusan perpustakaan.

Kenyataan ini dijelaskan oleh Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji

Mohd. Yassin di Majlis Pembukaan Mesyuarat Ahli-ahli Badan Eksekutif CONSAL XII Ke-3 di Hotel Asma, 6 Februari lalu.

"Walaupun negara kita mampu bersaing dengan mana-mana jua negara di rantau ini namun kita masih juga mempunyai kekurangan dari segi kemahiran dalam memberikan ker-

Oleh
Ak. Jeffery PD

ja-kerja cemerlang di bidang perpustakaan," jelas Awang Haji Abdul Hakim.

Beliau juga yakin melalui mesyuarat yang diadakan selama tiga hari itu akan membuahkan keputusan yang positif di dalam usaha memperingkatkan lagi keupayaan dan kebolehan para pustakawan.

Mesyuarat CONSAL diselenggarakan oleh pustaka-pustaka kebangsaan dengan kerjasama ahli-ahli CONSAL Persatuan-persatuan Pustaka ASEAN. Sementara itu Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Pustaka dan juga Persatuan Pustaka Negara Brunei Darussalam telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya di dalam menyelenggarakan Mesyuarat CONSAL XII.

"Persidangan yang diadakan setiap dua tahun sekali ini sudah

setentunya memberikan faedah kepada CONSAL, dan ianya juga membuktikan dengan jelas sumbangan para pustakawan ke arah pembangunan bangsa dan negara melalui projek-peojek yang diambil alih ahli-ahli CONSAL setiap negara ASEAN," tambah beliau.

Beliau seterusnya berkata, CONSAL yang dianggotai oleh kesemua negara-negara ASEAN juga merupakan satu kumpulan rantau khususnya dalam membincangkan isu-isu global dan informasi serta perkembangan pustakawan dalam memperbaiki kerjaya dan menambahkan lagi usaha terhadap kualiti kerja, dan diharapkan CONSAL XII 2003 yang diadakan di negara ini nanti akan dapat membentangkan dasar dan menyediakan analisa ke atas isu-isu dan masalah-masalah semasa mengenai kerja-kerja kutubkhanah serantau dan juga antarabangsa.

TEKSI BRUNEI DIBENARKAN HANTAR PENUMPANG KE MIRI

NEGARA Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Mesyuarat 'The 4th Meeting of Brunei Darussalam-Malaysia Joint Committee On Cross Border of Facilitation of Land Transporting'. Mesyuarat tersebut telah dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan diadakan di Hotel Riverview, Gadong pada 6 - 7 Februari lalu.

Mesyuarat tersebut telah menerima hasil daripada laporan mesyuarat lepas 'Joint Sub-Committee' yang diadakan di Kundasang, Sabah pada 12 - 13 Februari, 2001 dan laporan dari perbincangan di antara Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sabah dan Sarawak, Malaysia dengan Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat juga telah membincangkan lebih mendalam lagi beberapa isu yang berhubung kait dengan kemudahan lintas batas dan pengangkutan darat.

Hasil daripada perbincangan dalam mesyuarat tersebut, di antara perkara-perkara yang telah dimaklumkan dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ialah:


- Kenderaan jenis 'Twin Cabin' yang didaftarkan di bawah kenderaan persendirian di Malaysia dengan ini dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun kenderaan-kenderaan tersebut mestilah mematuhi Akta dan Peraturan-peraturan Lalu Lintas Jalanraya di negara ini. Jenis kenderaan yang sama didaftarkan di Negara Brunei Darussalam telah mendapat kebenaran yang sama untuk memasuki Malaysia.
- Pengusaha-pengusaha teksi Negara Brunei Darussalam dibenarkan untuk menghantar penumpang ke Bandar

Miri, Sarawak, Malaysia. Walau bagaimanapun pengusaha-pengusaha teksi Miri hanya dibenarkan menghantar para penumpang ke Perhentian Teksi Kuala Belait sahaja.

- Kenderaan Perniagaan Malaysia yang berhasrat untuk melintas (transit) ke Negara Brunei Darussalam kini hanya diperlukan mendapatkan surat kebenaran dari pihak Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak atau Sabah, Malaysia.
- Kenderaan perniagaan Malaysia akan diberikan kebenaran masuk ke Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama dua belas (12) bulan jika perlu mematuhi syarat yang dikenakan oleh pihak kastam Negara Brunei Darussalam iaitu 'Sealing Container/Consignment'.

Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan

Oleh Bolhassan HAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera dan adinda baginda berangkat menyertai rakyat baginda di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18. Majlis berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama putera-putera dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah sebelum dan selepas Majlis Doa Kesyukuran. - Gambar oleh Hamadi HM.



BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai rakyat baginda di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di sini pada 22 Februari lepas.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, sementara Surah Yaasiin telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Doa kesyukuran telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja juga telah berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah yang sama-sama hadir di majlis tersebut.

Majlis Doa Kesyukuran juga diadakan di semua masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat seluruh negara sebagai menandakan bermulanya acara-acara sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang jatuh pada 23 Februari setiap tahun.

Kemuncak sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini yang membawa tema 'Memperkasa Keupayaan Bangsa' diadakan pada 25 Februari lepas di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Berangkat saksikan Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai rakyat dan penduduk di negara ini bagi sama-sama menghadiri dan menyaksikan Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini pada 22 Februari lepas.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul

Oleh Bolhassan HAB dan Awangku Jefferi PD

Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan dengan disusuli oleh Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Sejurus selepas itu, baginda dijunjung berangkat memeriksa barisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kira-kira 10,000 orang terlibat di dalam acara persembahan padang sempena Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 yang menggabungkan tenaga dari pelbagai pihak termasuk pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, murid-murid sekolah, para belia dan agensi-agensi kerajaan dan swasta di negara ini.

Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan yang antara lain menyeru agar rakyat dan penduduk di negara ini bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempertahankan dan menjunjung kedaulatan negara yang berkonsepkan negara Melayu Islam Beraja merupakan acara kemu-

neak sambutan yang gilang-gemilang.

Juga berangkat dan hadir ke upacara tersebut Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri,

pehin-pehin menteri, perwakilan-perwakilan asing, setiausaha-setiausaha tetap, manteri-manteri pedalaman serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Ke-18 pada tahun ini ialah 'Memperkasa Keupayaan Bangsa' merupakan kesinambungan cita-cita dan upaya negara untuk menjadikan bangsa Brunei memiliki sahlah berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), berupaya tinggi, profesional, bersema-

ngat, berdaya saing, berdedikasi, bersatu padu dan serba boleh serta benar-benar mendoatkan rahmat kemerdekaan yang dimiliki. Bangsa yang berupaya perkasa akan membawa negara ini ke mercu kemajuan dan kesejahteraan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat menghadiri Majlis Ramah Mesra sempena Aidiladha anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

PEKERTI SEMBAHKAN SAMBUTAN HARI PUJA USIA



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ke Majlis Sambutan Hari Pujia Usia DYTm dijunjung oleh Yang Dipertua dan ahli-ahli PEKERTI (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan memotong kek yang disambahkan oleh Perkumpulan Kebajikan Isteri-Isteri dan Keluarga Polis, PEKERTI (kiri).

**Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan Hamadi HM**

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri ketika berkenan menyerahkan sumbangan PEKERTI kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang diterima oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan pusat berkenaan, Pengiran Datin Hajah Noraini (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli PEKERTI dan mereka yang hadir sejurus sebelum berangkat meninggalkan majlis (kiri). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia bersama ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menikmati santapan. Juga kelihatan berbual mesra bersama Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Sharifah.



BERANGKAT sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (atas). Sementara gambar kiri, ahli-ahli PEKERTI mempersembahkan nyanyian dengan iringan Pasukan Pancaragam Polis Wanita.



Perutusan tahniah ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing sempena Hari Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disampaikan ke hadapan majlis baginda daripada ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 Tahun 2002.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri pada 22 Februari lalu, perutusan tahniah itu antaranya diterima daripada :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putera Jamalulail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumbol Adulyadej, Raja Thailand; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said, Sultan Negara Oman; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Bin Al Hussein, Raja Jordan; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sheikh Hamad bin Essa Al-Hussein, Raja Bahrain; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sheikh Zayed bin Sultan Al-Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Koningin

Beatrix Wilhelmina Armgrad, Queen of the Netherlands; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gusdof, Raja Sweden dan Duli Yang Maha Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Amir Qatar.

Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Maktoum bin Rashid Al-Maktoum, Naib Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu; Puan Yang Terutama Presiden Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama Presiden S R Nathan, Presiden Republik Singapura; Puan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal-Arroyo, Presiden Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Presiden Tran Duc Luong, Presiden Republik Sosialis Vietnam; Tuan Yang Terutama Presiden Khamtay Siphandone, Presiden Demokratik Republik Rakyat Lao; Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Pertubuhan Myanmar; Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak, Presiden Republik Arab Mesir; Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Presiden Republik Islam Pakistan; Tuan Yang Terutama Profesor A. Q. M. Badruddoza Chowdhury, Presiden Republik Rakyat Bangladesh dan Tuan Yang Terutama Presiden Bashar Al-Assad,

Presiden Republik Arab Syria dan Tuan Yang Terutama Syed Mohammed Khatami, Presiden Republik Islam Iran.

Tuan Yang Terutama Kolonel Muammar Al-Gaddafi, Leader of the Great Al-Fateh Revolution, Libya; Tuan Yang Terutama Presiden Kim Dae-Jung, Presiden Republik Korea; Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin, Presiden Republik Rakyat China; Tuan Yang Terutama Presiden George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat; Tuan Yang Terutama The Right Reverend Dr. Peter Hollingworth, Gabenor-Jeneral Australia; Tuan Yang Terutama Presiden Johannes Rau, Presiden Persekutuan Republik Jerman; Tuan Yang Terutama Tuan Thomas Klestil, Presiden Persekutuan Republik Austria; Puan Yang Terutama Presiden Mary Mc Aleese, Presiden Ireland; Tuan Yang Terutama Presiden Ferenc Madl, Presiden Republik Hungary dan Tuan Yang Terutama Presiden Jacques Chirac, Presiden Republik Perancis.

Tuan Yang Terutama Presiden K. R. Narayanan, Presiden India; Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir V. Putin, Presiden Persekutuan Russia; Tuan Yang Terutama Presiden Vicente Fox Quesada, Presiden The United Mexican States; Tuan Yang Terutama Presiden Glafcos

Clerides, Presiden Republik Cyprus; Tuan Yang Terutama Presiden Stjepan Mesic, Presiden Republik Croatia; Tuan Yang Terutama Presiden Zine El Abidine Ben Ali, Presiden Republik Tunisia; Tuan Yang Terutama Presiden Guido De Marco, Presiden Malta; Tuan Yang Terutama Jeneral Lansana Conte, Presiden Republik Guinea; Tuan Yang Terutama Presiden Kaspar Villiger, Presiden Persekutuan Swiss (Swiss Confederation) dan Tuan Yang Terutama Presiden John Agyekum Kufuor, Presiden Republik Ghana.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia; Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Tuan Phan Van Khai, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam; Puan Yang Terutama Puan Begum Khaleda Zia, Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh; Yang Amat Berhormat Tuan Tony Blair, Perdana Menteri British; Tuan Yang Terutama Tuan Alberto Cecchetti dan Tuan Gino Giovagnoli, Ketua Menteri Republik San Marino; Tuan Yang Terutama Tuan Kofi A. Annan, Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dan Tuan Yang Terutama Dr. Abdelouahed Belkeziz, Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat ke Bali, Republik Indonesia bagi menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Serantau Mengenai Penyeludupan Manusia, Perdagangan Manusia dan Jenayah Transnasional yang berkaitan yang akan berlangsung pada 27 - 28 Februari. Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Pemulihan ekonomi jangka pendek : \$85 juta telah dibelanjakan

GADONG. - Sejumlah \$85 juta telah dibelanjakan dalam pemulihan ekonomi jangka pendek di bawah peruntukan \$200 juta yang

telah bermula pada Jun 2000.

Terdapat \$115 juta sebagai baki untuk dilanjutkan bagi pemulihan dalam usaha menggerakkan sebanyak mana yang boleh perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana tempatan yang ketika ini mengalami kesulitan akibat suasana ekonomi lembab pada pertengahan 1997.

Pemulihan ekonomi jangka pendek yang sekarang memasuki tahun kedua akan dijangka selesai menjelang Jun 2003 yang mengutamakan bagi mewujudkan projek-projek pembinaan, latihan untuk pekerjaan, pembekalan peralatan komputer dan pinjaman kredit modal.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned di Sidang Media bersama wartawan pada 19 Februari lalu.

Katanya, baki \$115 juta itu nanti akan digunakan bagi projek pembinaan perumahan awam sebanyak 250 unit yang melibatkan 30 buah perusahaan kecil dan sederhana, selain penggunaan bahan-bahan ke luaran tempatan seperti atap, simen, bata dan sebagainya.

Di samping itu jelasnya, baki yang ada juga diperuntukkan bagi projek pembekalan komputer ke seko-

Oleh Abdullah Asgar

lah-sekolah seluruh negara yang membabitkan 41 buah syarikat komputer sementara lima lagi syarikat bagi mengendalikan kerja-kerja peningkatan BruNet.

Peruntukan itu juga tambahnya, untuk membina 25 buah infrastruktur pelancongan yang melibatkan 13 buah syarikat pembinaan tempatan.

Sementara bagi tindakan pemulihan untuk syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana, empat buah bank tempatan dengan dijamin oleh kerajaan telah meluluskan 48 pinjaman kepada syarikat-syarikat tempatan di bawah Skim Pinjaman Kredit Modal.

Di bawah skim itu, syarikat yang berjaya akan dipinjamkan tidak melebihi \$1.5 juta mengikut apa yang diusahakan. Sejahter ini empat buah bank yang terlibat tidak menerima sebarang masalah mengenai pembayaran dari syarikat-syarikat yang terlibat.

Manakala itu jelasnya, dalam bidang latihan, tindakan pemulihan telah melatih seramai 950 orang anak tempatan yang mencari pengalaman di bidang industri layanan menggunakan peluang keperluan APEC 2000.

Malangnya kata beliau, hanya lebih 100 orang saja yang mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat perhotelan sementara selebihnya masih mencari pekerjaan.

Dengan adanya baki peruntukan itu katanya, pihaknya akan melanjutkan latihan bukan saja untuk perhotelan malahan ia akan diluaskan skopnya kepada pasar raya dan sebagainya.

Menurut beliau lagi, baki sebanyak \$115 juta itu juga termasuk projek-projek pemeliharaan bangunan, kawasan dan aset kerajaan yang diutamakan dan di dalam keupayaan pengusaha kecil dan sederhana lebih-lebih lagi yang dalam keupayaan rakyat untuk mengendalikannya.

Melalui projek itu, jelasnya, sejumlah \$31 juta telah diperuntukkan, manakala 312 projek akan ditawarkan dengan cepat walaupun secara berperingkat untuk dimanfaatkan oleh sebanyak mungkin syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana.

Projek-projek tersebut tambahnya ialah bagi pembaikan dan pemeliharaan bangunan-bangunan sekolah, perumahan dan jabatan-jabatan kerajaan.

Penyerahan bendera kecil kepada Kementerian Pendidikan

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dalam memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan yang disambut setiap menjelang 23 Februari, pelbagai atur cara telah disusun bagi menyemarakkan dan menanamkan semangat kebangsaan sempena hari bersejarah tersebut.

Antara atur cara dalam meningkatkan semangat kebangsaan itu ialah pembahagian bendera-bendera kecil yang diletakkan di setiap kenderaan.

Sehubungan itu, majlis susulan dari pembahagian tersebut terus diadakan dengan pengagihan kepada kenderaan-kenderaan Kementerian Pendidikan yang berlangsung pada 18 Februari lalu di Bengkel Kenderaan, Kementerian Pendidikan di Jalan Pesar Ulak di sini.

Majlis penyerahan bendera tersebut telah disempurnakan oleh Penolong Setiausaha Jawatankuasa Hari Kebangsaan Bagi Bendera-bendera Kecil Kebangsaan, Pengiran Haji Mansor bin Pengiran Haji

Jaya kepada Ketua Bahagian Kenderaan, Kementerian Pendidikan, Cikgu Haji Tujoh yang seterusnya meletakkan bendera tersebut kepada sebuah kenderaan milik Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 90 bendera kecil telah diagihkan khusus kepada bas-bas sekolah, 28 bendera kecil bagi bas kerajaan dan 80 bagi kenderaan pegawai dan kakitangan di kementerian tersebut.



KETUA Bahagian Kenderaan, Kementerian Pendidikan, Cikgu Haji Tujoh menerima bendera kecil dari Penolong Setiausaha Jawatankuasa Hari Kebangsaan Bagi Penyerahan Bendera-bendera Kecil Kebangsaan, Pengiran Haji Mansor bin Pengiran Haji Jaya. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

Persefahaman erat sentiasa terjalin antara Brunei - Kuwait

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Jaber Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amri Kuwait dan kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Saad Al-Abdullah Al-Salem Al-Sabah, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kuwait bersempena Hari Kebangsaan Kuwait pada 15 Februari lepas.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan

perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Kuwait. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Sheikh Jaber Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Kuwait akan

sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Saad Al-Abdullah Al-Salem Al-Sabah, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kuwait, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena Hari Kebangsaan Kuwait.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di

antara Negara Brunei Darussalam dengan Kuwait. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga Duli Yang Maha Mulia sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Kuwait akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika meletakkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berukuran kecil di sebuah kereta. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Bendera simbol kedaulatan negara perlu dihormati

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bendera yang menjadi simbol dan lambang kedaulatan negara perlu dihormati, kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat berharap, Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berukuran kecil yang diagihkan untuk diletakkan di atas kenderaan masing-masing perlu dikibarkan bagi memperingati dan menyemarakkan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-18 tahun ini.

Dengan demikian ianya dapat menanamkan dan mengukuhkan semangat cintakan raja dan negara. Berucap di Majlis Pelancaran Mengibarkan dan Meletakkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berukuran kecil anjuran ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di hadapan Bangunan Lapau Diraja pada 17 Februari lepas.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, lebih 15,000 bendera kebangsaan serupa itu diagihkan kepada orang ramai untuk diletakkan pada cermin depan kenderaan masing-masing.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak mengubah kedudukan bendera tersebut sehingga selesai upacara sambutan pada 25 Februari nanti.

Di majlis itu lebih 800 buah kenderaan jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta dari seluruh negara dan beberapa orang peminat motosikal berkuasa tinggi dan basikal 'mountain' menyertai perarakan mengelilingi ibu negara dengan berbaris di Jalan Kianggeh hingga ke Jalan Sultan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan bendera berkenaan boleh memperolehnya di stesen-stesen minyak dan beberapa buah pasar raya di negara ini secara percuma.

Yang Berhormat selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Kebangsaan seterusnya berharap supaya bendera yang diagihkan itu tidak disimpan di dalam rumah atau diletakkan di tempat yang bukan sewajarnya.

Selain itu kata Yang Berhormat, setiap rakyat dan penduduk negara ini perlu menghayati dan mengamalkan maksud tema ulang tahun Hari Kebangsaan tahun ini 'Memperkasakan Keupayaan Bangsa'.

Menurut Yang Berhormat, untuk memperkasakan bangsa, setiap masyarakat hendaklah meningkatkan dan memperkukuhkan keupayaan dalam setiap bidang yang diperlukan termasuk pembangunan bangsa dan negara, mengukuhkan perpaduan, pentadbiran, ekonomi, sosial, kebudayaan, amalan beragama, moral, ilmu, nilai murni dan minda.

"Tema sambutan Hari Kebangsaan hendaklah dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat bukan hanya di tahun ini sahaja tetapi juga di tahun-tahun akan datang," jelas Yang Berhormat.

Walaupun bendera yang diagihkan itu terhad jumlahnya berbanding jumlah kenderaan yang ada di negara ini melebihi 100,000 buah, namun semangat kebangsaan dan patriotik perlu ditanamkan yang menjadi kebanggaan setiap negara di dunia ini.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pengerusi Lembaga Tabung Amanah Pekerja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain memaklumkan bahawa Lembaga Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengisytiharkan dividen bagi tahun 2001 sebanyak tiga peratus dan dividen berkenaan telah pun dikreditkan ke akaun para pencarum Lembaga Tabung Amanah Pekerja pada 16 Februari lepas.

Pelaburan-pelaburan Lembaga Tabung Amanah Pekerja telah menghasilkan pendapatan kasar sebanyak B\$17.3 juta di sepanjang tahun 2001 dan selepas ditolak perbelanjaan operasi dan peruntukan rosot nilai pelaburan jumlah untuk pembayaran dividen adalah pada angka B\$13.6 juta.

Dengan kadar itu, menurut Yang Berhormat, dividen sebanyak B\$13.6 juta telah dibayar kepada 70,000 ahli berbanding B\$11.9 juta dan 66,000 ahli pada tahun 2000. Pada tahun 2001 bagi membayar 1 peratus dividen, TAP memerlukan B\$4.53 juta berbanding B\$3.98 juta untuk tahun 2000.

Bilangan akaun ahli pada tahun 2001 menunjukkan pertumbuhan sebanyak enam peratus. Kebanyakan ahli adalah di bawah umur 40 tahun iaitu mewakili 74 peratus dari jumlah keahlian. Jumlah caruman bagi lingkungan umur ini adalah B\$307 juta.

Jumlah caruman ter-

Pelaburan Lembaga TAP menjangkau B\$ 550 juta

kumpul pada akhir tahun 2001 berjumlah B\$511 juta berbanding B\$420 juta di tahun sebelumnya.

Yang Berhormat berkata, dalam tempoh yang sama bilangan pengeluaran melonjak tujuh peratus kepada 1,529 orang dengan membabitkan simpanan berjumlah B\$8.6 juta berbanding 1,432 orang bagi tempoh yang sama pada tahun 2000 iaitu sebanyak B\$6 juta.

Sebanyak 83 peratus pengeluaran adalah untuk umur 50 dan 55 tahun dengan membabitkan simpanan sebanyak B\$7.4 juta, manakala bilangan pengeluaran lain seperti perumahan 0.5 peratus membabitkan B\$142 ribu, hak waris tujuh peratus membabitkan B\$640 ribu dan hilang upaya 1 peratus membabitkan B\$160 ribu.

Sebagai sebuah institusi persaraan, Lembaga Tabung Amanah Pekerja akan meneruskan strategi pelaburan yang berhemat serta komited dalam menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli-ahli. Jumlah dana pelaburan lembaga kini menjangkau B\$ 550 juta.

Seterusnya Pengarah Urusan Lembaga Tabung Amanah Pekerja, Awang Haji Khalid bin Haji Ghazali mengumumkan bahawa Penyata Kira-kira 2001 akan mula diedarkan dan dihantar terus mulai

minggu depan kepada ahli menerusi alamat persuratan atau alamat kediaman tertakluk kepada rekod Lembaga TAP. Walau bagaimanapun jika ahli masih tidak menerima penyata mereka, ahli dinasihatkan supaya menyemak dengan majikan masing-masing atau berhubung terus dengan Pejabat TAP yang berhampiran secepat mungkin. Ahli-ahli juga boleh mendapatkan penyata mereka melalui sistem kiosk yang terdapat di keempat-empat daerah seperti berikut:

Ruang Legar TAP, Tingkat 5, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan.

Ruang Legar Pejabat Daerah Belait.

Ruang Legar Pejabat Daerah Temburong.

Ruang Legar Jabatan Imigresen, Jalan Menteri Besar.

Ruang Legar Pejabat Daerah Tutong

Ahli-ahli yang ingin menukar alamat untuk pe-

nyata caruman ini bolehlah menulis kepada TAP atau mengisi borang TAP03P yang boleh diperolehi di semua Pejabat TAP.

Pengarah Urusan TAP juga mengingatkan para pencarum akan pentingnya penyata ini yang membekalkan maklumat terperinci mengenai caruman TAP. Mereka juga diminta untuk memberitahu Lembaga TAP mengenai sebarang pencanggahan di dalam penyata ini dengan segera untuk tindakan lanjut.

Forum Awam Mengenai Penyakit Buah Pinggang

Oleh Samle HJ

BERAKAS. - Bilangan pesakit yang menjalani dialisis di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat dengan sejumlah 330 di mana seramai 265 orang telah menjalani rawatan haemodialisis, sementara 65 orang lagi menerima rawatan peritoneal dialisis.

Kejadian penyakit buah pinggang dikenal pasti melalui dari kencing manis, glomerulonefritis, tekanan darah tinggi, batu di buah pinggang, keturunan keluarga dan jangkitan berulang atau pyelonefritis kronik.

Pegawai Perubatan Kanan, Unit Nefrologi Rumah Sakit RIPAS, Dr. Lim Si Ching berkata, penyakit buah pinggang selalunya terjadi tanpa disedari kerana pesakit tidak berasa kesakitan namun tanda-tandanya akan berlaku bidang fungsi buah pinggang menurun 10 peratus atau lebih dari biasa.

"Penyakit buah pinggang yang kronik adalah satu penyakit berat yang akan mengubah kehidupan setiap penghidapnya yang memerlukan rawatan sesuai dan pemahaman yang cukup

mengenai penyakit mereka," jelasnya di Majlis Forum Awam Mengenai Penyakit Buah Pinggang dan Rawatan Dialisis (Pencucian) di Negara Brunei Darussalam, 8 Februari lalu.

Forum yang memberi pengetahuan terperinci mengenai Penyakit Buah Pinggang dan Rawatan Dialisis (Pencucian) di Negara Brunei Darussalam turut dikongsi bersama oleh seorang pesakit yang menjalani rawatan, Awang Haji Isa penjelasan mengenai kesesuaian pemakanan yang dijelaskan oleh Pegawai Pemakanan, Awang Haji Abdul Khalid As'ari.

Jururawat Kanan Unit Rawatan Dialisis, Dayang Julita menjelaskan rawatan dialisisheamo akan memakan masa selama empat hingga enam jam dan pesakit selalunya memerlukan rawatan selama tiga kali dalam seminggu.

Katanya, dalam proses dialisis peritoneal, benda buangan di dalam darah dikeluarkan dengan membasuh ruang perut dengan menggunakan cecair khas yang dinamakan

dialisis.

Awal dari itu, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Hospital, Yusof Amba berkata Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah menubuhkan Jawatankuasa 'Program Kesedaran Awam' yang mana aktiviti utamanya ialah menganjurkan forum dan tulisan esei yang disebarkan melalui media massa.

Program ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai mengenai aspek-aspek perubatan iaitu mengenai penyakit-penyakit, jenis-jenis rawatan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang ada diberikan di Rumah Sakit RIPAS.

Forum tersebut dikendalikan oleh Unit Buah Pinggang, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.



INTISARI TITAH

- Tahun 2002 merupakan tahun istimewa
- Bulatkan dan hampirkan diri kepada Allah
- Kenal pasti kelemahan dan kekurangan kita
- Berganding bahu menanai tugas dan tanggungjawab
- Perlu bijaksana merancang pembangunan negara
- Kegiatan ekonomi diperkuatkan
- Menggalakkan pelaburan asing
- Penglibatan sektor kerajaan, swasta sangat mustahak
- Bersatu padu pertahanan keamanan dan kestabilan negara
- Keupayaan bangsa mustahak dipertingkatkan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 pada 23 Februari lalu.

Pelaburan asing digalakkan

Kegiatan ekonomi diperkuat

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2002 telah menambah peruntukan kemajuan sebanyak 82 peratus yang membawa kepada \$1 bilion untuk menguatkan lagi kegiatan ekonomi bagi sasaran kadar pertumbuhan yang lebih positif.

Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN) memberikan lebih tumpuan kepada pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang serta pemetaan sumber pembangunan manusia dan mengembangkannya melalui peningkatan pelaburan dalam dan luar negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'iz-

zaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan perkara itu sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 yang disiarkan ke seluruh pelusuk tanah air melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari lalu.

Baginda bertitah, selain itu ianya juga bertujuan menggalakkan kemajuan perkhidmatan-perkhidmatan termasuk kewangan dan pelancongan serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara meluas.

"Sesungguhnya program-program yang terkandung dalam RKN itu adalah semata-mata dihasratkan untuk menjamin kese-

jahteraan hidup rakyat dan penduduk negara kita," titah baginda.

Semua itu, titah baginda lagi akan dapat dicapai melalui pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang lebih berdaya tahan yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan, memperbesarkan saiz sektor swasta dan sekali gus meningkatkan penglibatan secara aktif pengusahaan-pengusaha tempatan.

"Penglibatan bersama di antara sektor kerajaan dan swasta adalah sangat mustahak lebih-lebih lagi pada menggalakkan pelaburan asing selain dari meningkatkan pelaburan dalam negeri, terutama sekali dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara," titah baginda



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan berangkat menyaksikan Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan.

"PENGLIBATAN bersama di antara sektor kerajaan dan swasta adalah sangat mustahak lebih-lebih lagi pada menggalakkan pelaburan asing selain dari meningkatkan pelaburan dalam negeri, terutama sekali dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara."

mengharapkan.

Selain itu, kerajaan baginda juga memberikan perhatian dan keutamaan terhadap penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sebagai salah satu usaha memperkasa keupayaan bangsa.

Dalam hubungan itu,

titah baginda, kerajaan telah melancarkan beberapa projek yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi termasuk 'e-government' bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan dalam perkhidmatan awam dan pentadbiran kerajaan.

Bijaksana merancang pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa kita perlu berpandangan jauh, bijaksana, bersatu padu dan komited dalam merancang serta melaksanakan strategi pembangunan dan kemajuan negara.

Bertitah Sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 yang dipancarkan melalui radio dan televisyen ke seluruh negara pada 22 Februari lalu, baginda bertitah, komitmen dan ketabahan semua pihak amatlah perlu dan mustahak sekali, bukan sahaja setakat menyerahkannya kepada kerajaan atau sektor swasta, tetapi hendaklah sama-sama berganding bahu pada menanai tugas dan tanggungjawab tersebut secara bersepadu seperti kata pepatah 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'.

Ke arah itu, titah baginda, mempertingkatkan keupayaan bangsa atau negara itu adalah mustahak pada menentukan kemajuan, kejayaan dan kecemerlangan sesebuah negara lebih-lebih lagi dalam konteks perkampu-

ngan global yang kompetitif dan tidak bersempadan.

Sebagai misal, titah baginda, keupayaan pada mengenal pasti adanya peluang-peluang perdagangan dalam sektor atau industri yang tertentu sangatlah berguna untuk membolehkan sesebuah negara itu mempunyai kelebihan yakni 'competitive edge' dan dapat mendahului atau mengatasi saingan dari negara-negara lain.

Bagi maksud meningkatkan keupayaan tersebut, titah baginda lagi, kita perlulah menilai, mengenal pasti dan mengatasi sebarang kelemahan atau kekurangan serta mengambil iktibar akan pengalaman dan perjalanan yang telah ditempuh oleh masyarakat dan bangsa lain yang telah berjaya dan maju.

Maka dalam hubungan itu, titah baginda, salah satu usaha kita pada meningkatkan keupayaan bangsa dan negara ialah melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005, yang merupakan fasa ke-4 dan terakhir dalam rancangan pembangunan negara jangka panjang yang telah dimulakan kira-kira 16 tahun yang lalu.

IBADAT KORBAN DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

NEGARA Brunei Darussalam akan mempunyai satu lagi mercu tanda apabila bangunan baru Mahkamah Syariah yang terletak di tengah-tengah ibu negara siap pembinaannya pada pertengahan tahun 2003.

Bangunan empat tingkat yang menelan belanja lebih B\$14 juta dibina di atas keluasan tanah kira-kira 4.05 hektar itu mempunyai reka bentuk yang melambangkan ciri-ciri keislaman selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Pembinaan bangunan di bawah pengurusan projek Kementerian Pembangunan melalui sebuah syarikat pemborong swasta di tapak bekas rumah sakit lama di Jalan Stoney itu telah bermula dalam bulan Julai tahun 2001.

Dengan keluasan 20 ribu meter persegi, bangunan baru Mahkamah Syariah akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk kemudahan-kemudahan asas seperti tandas awam dan 206 petak letak kereta.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERSEDIA

Di tingkat bawah bangunan mahkamah baru itu nanti akan mempunyai ruang pameran, bilik tahanan serta kantin selain ruang letak kereta hakim dan para pegawai.

Dewan serbaguna yang boleh memuatkan sehingga 500 orang, bilik persidangan/taklimat, Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga, pusat pentadbiran perkeranian pendaftaran mahkamah ditempatkan di tingkat pertama bangunan itu.

Di tingkat dua pula mempunyai enam ruang Mahkamah Rendah, bilik orang-orang kenamaan (VIP), bahagian nikah cerai, bahagian peguam dan pendakwa termasuk bilik-bilik hakim, pejabat umum pendaftar dan bilik 'server' teknologi maklumat.

Sementara di tingkat tiga menempatkan dua ruang Mahkamah Tinggi termasuk bilik-bilik hakim, bilik persidangan mesyuarat hakim-hakim dan Bahagian Waris.

Sebuah ruang Mahkamah Rayuan, bilik ketua hakim, bilik-bilik hakim, bilik VIP, perpustakaan serta bilik rehat pula diletakkan di tingkat empat bangunan tersebut.

PENYUSUNAN SEMULA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun menekankan bahawa bidang keagamaan akan terus diberi perhatian khusus bagi mempertingkatkan kekuatan akidah umat Islam dan kegemilangan agama Islam di negara ini.

Langkah-langkah itu termasuklah penyusunan semula dan peningkatan Mahkamah-mahkamah Syariah di bawah Akta Mahkamah-mahkamah Syariah Penggal 184.

Menurut baginda, penyusunan dan peningkatan Mahkamah Syariah termasuklah perantaraan Ketua Hakim Syarie, Panel Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah serta para pegawai untuk menjalankan kehendak undang-undang berkenaan.

"Dengan langkah-langkah yang ada ini diharapkan agama Islam akan lebih bersinar dan umat Islam bertambah kuat berpegang kepada akidah yang betul," titah baginda di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai, 2001.

OLEH ENA HAJI LEE

PERLETAKAN BATU ASAS

Pada 16 Februari, 2002 bersamaan 3 Zulhijah, 1422 Hijrah tercatat satu lagi dalam tinta sejarah di bumi darussalam iaitu Majlis Perletakan Batu Asas bagi bangunan baru Mahkamah Syariah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian perletakan batu asas bangunan Mahkamah Syariah itu.

Di majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung menuang simen ke tapak tiang seri bangunan dan menandatangani batu asas serta dijunjung menyaksikan projek pembinaan.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ke majlis tersebut ialah adinda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pada masa ini bahagian Mahkamah Syariah ditempatkan di tingkat tiga bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang lama di Jalan Elizabeth 11, di ibu negara.



TETAMU DIRAJA..... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat menyempurnakan perasmian perletakan batu asas bangunan baru Mahkamah Syariah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun menekankan bahawa bidang keagamaan akan terus diberi perhatian khusus bagi mempertingkatkan kekuatan akidah umat Islam dan kegemilangan agama Islam di negara ini.

AKTA DAN HAKIM-HAKIM

Peruntukan Akta Mahkamah-mahkamah Syariah (Penggal 184) - Kecuali Bab 3 telah mula berkuatkuasa pada 1 Muharam, 1422 Hijrah bersamaan 26 Mac, 2001.

Menurut Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam bertarikh 12 Mei, 2001, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melantik Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal menjadi Ketua Hakim Syarie.

Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah terdiri daripada Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon dan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Sementara Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah pula terdiri daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri

Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Manakala Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah terdiri daripada Awang Johar bin Haji Mohammad, Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Pengiran Haji Norasmawi bin Pengiran Haji Ahmad, Awang Haji Hassan bin Haji Metali dan Awang Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh, Awang Haji Sawas bin Haji Jebat, orang yang berkecualan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dilantik untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie.

HASRAT NEGARA

Dengan terbinanya bangunan baru Mahkamah Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, adalah jelas bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan keagungan dan kesucian agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Selain sebagai salah satu mercu tanda negara, pembinaannya juga diharap untuk melicinkan lagi peralaksanaan dan Undang-undang Syariah di negara ini.

Sastera & Budaya

Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dianggap sebagai suatu halangan bagi sesetengah golongan organisasi dan kumpulan

PENGENALAN

SESEBUAH perlembagaan yang digubal adalah bertujuan untuk mewujudkan satu jaminan dari segi kesejahteraan dan kestabilan negara serta memberikan keamanan dan keadilan di dalam pemerintahan. Walau bagaimanapun, dalam konteks Negeri Brunei terdapat sesetengah golongan organisasi dan kumpulan dalam masyarakat Brunei menganggap Perlembagaan Negeri Brunei (PNB) 1959 itu sebagai suatu halangan terhadap aktiviti-aktiviti dan rancangan mereka.

SEJARAH RINGKAS PENGUBALAN PNB

Sebaik sahaja tamat Perang Dunia Ke-II, Kerajaan British telah berhasrat untuk melepaskan dan memberikan kemerdekaan kepada semua negeri-negeri jajahan dan naungannya melalui sebuah Perlembagaan Bertulis. Ini merupakan satu peluang keemasan bagi Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (SOAS III) dan baginda mahu mengambil serta memanfaatkan peluang yang diberikan itu. Pada tahun 1953 iaitu dalam bulan Mei, baginda telah mengumumkan hasrat baginda untuk mendapatkan sebuah perlembagaan bagi Brunei kepada seluruh rakyat Brunei. Di dalam proses pengubalan PNB itu, baginda telah menghadapi pelbagai rintangan namun dengan izin Allah Subhanahu Wataala dan usaha yang tidak mengenal erti putus asa, maka pada 29 September, 1959, PNB telah berjaya dimeteraikan di antara pihak Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British.

BENTUK HALANGAN

Seperti yang sudah diterangkan di atas tadi bahawa PNB adalah hasil daripada perjuangan SOAS III dan ini sudah tentunya mengutamakan hasrat yang hendak dicapai oleh baginda terlebih dahulu bersesuaian dengan kehendak masyarakat Brunei. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian daripada hasrat SOAS III itu dianggap sebagai suatu halangan kepada sesetengah golongan organisasi dan kumpulan dalam masyarakat Brunei. Walaupun sebahagian daripada hasrat baginda itu dianggap sebagai suatu halangan namun jika difikirkan secara mendalam dan dilihat dari sudut lain, jelas perkara tersebut mempunyai kebaikan dan kemanfaatan kepada seluruh masyarakat Brunei. Secara umumnya terdapat tiga perkara dalam PNB yang dianggap sebagai penghalang iaitu 'Kuasa', 'Agama' dan 'Taraf Kerakyatan'.

KUASA

Dari segi kuasa yang diperuntukkan dalam PNB, ianya telah dianggap sebagai suatu halangan bagi golongan organisasi iaitu pertubuhan-pertubuhan politik atau parti-parti terutama sekali Parti Rakyat Brunei (PRB). Ketua PRB iaitu A.M. Azahari menganggap kuasa yang dimiliki oleh Sultan seperti yang termaktub dalam PNB terutama dalam Bahagian III, Bab 4 (1) iaitu 'Kuasa memerintah yang tertinggi bagi negeri adalah terletak di dalam tangan Sultan' telah menjejaskan segala aktiviti-aktiviti dan juga rancangan yang hendak dipeliharanya. Ini dapat dilihat seperti rancangan A.M. Azahari untuk menubuhkan Federasi Borneo atau Penyatuan Tiga Wilayah iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah), tidak mendapat persetujuan daripada SOAS III.

Di samping itu, PRB juga tidak berpuas hati terhadap kuasa yang diperuntukkan dalam PNB kepada Sultan yang meliputi tiga bidang utama dalam kerajaan iaitu Legislatif (badan yang menggubal Undang-undang); Eksekutif (badan yang memerintah) dan Yudikatif (badan Kehakiman). Perkara tersebut ada kaitan dengan teori

OLEH NUR ILMU

'Persaingan Kuasa' yang dibuat Montesquieu. Dalam teori tersebut, beliau berpendapat bahawa untuk mewujudkan sebuah pemerintahan atau kerajaan yang adil maka tiga badan iaitu badan memerintah, badan penggubal Undang-undang dan badan Kehakiman, mestilah diasingkan agar ketiga-tiga badan tersebut tidak saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Perlu diingat bahawa tujuan Montesquieu melahirkan teori tersebut disebabkan pada masa itu (abad 18) telah berlakunya kezaliman pemerintahan oleh Raja Louis XIV. Di samping itu, beliau juga mahu menghindarkan komplot di antara ketiga-tiga badan tersebut supaya kebebasan rakyat keseluruhannya terjamin dan bebas dari kezaliman. Akan tetapi teori tersebut tidak diterima pakai dan tidak bersesuaian dengan keadaan masyarakat Brunei kerana pengubalan PNB yang dibuat oleh SOAS III bertujuan untuk memberikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat baginda, bukannya penindasan.

Walaupun bagaimanapun, kalau dilihat dari perspektif lain ternyata perkara yang dianggap sebagai penghalang itu adalah tidak benar, tetapi sebaliknya sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada negara dan juga masyarakat Brunei seluruhnya.

AGAMA

Di dalam PNB, jelas memperlihatkan bahawa Islam merupakan agama rasmi bagi Negeri Brunei. Perkara tersebut ada dimaktubkan dalam Bahagian II, Bab 3 (1) iaitu "Ugama rasmi bagi Negeri Brunei ialah Ugama Islam ...". Walau bagaimanapun, penganut-penganut lain boleh dan dibenarkan mengamalkan agama mereka masing-masing dengan aman, tetapi tidak boleh dikembangkan atau disebarluaskan termasuklah pembinaan tempat-tempat ibadat. Cuma mereka itu hanya dibenarkan untuk memelihara serta membaiki tempat-tempat ibadat mereka. Bagi mereka perkara seumpama itu merupakan sebagai suatu halangan di dalam mengembangkan lagi agama mereka itu. Ini ditambah lagi dengan adanya peruntukan dalam Bahagian II, Bab 3 (2) iaitu "Ketua Ugama negeri ialah Sultan". Adapun tujuan utama peruntukan dalam Bahagian II, Bab 3 (1) itu adalah bagi mempertahankan serta memperkukuhkan agama Islam daripada dihapuskan dan diganggu gugat oleh agama lain.

Manakala dari segi jawatan penting dalam Pentadbiran Kerajaan pula telah menjadi Islam

sebagai syarat utama di dalam melantik Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan. Perkara itu ada dinyatakan dalam PNB, Bahagian III, Bab 4 (5) iaitu "Maka tidak sesiapa pun boleh dilantik menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan melainkan dia itu orang Melayu yang beragama Islam ...". Ini bererti orang Melayu yang bukan beragama Islam tidak mempunyai peluang untuk menjawab jawatan tersebut. Akan tetapi, perkara tersebut adalah bertujuan agar agama Islam itu dapat diterapkan dalam Pentadbiran Kerajaan dan sekali gus dijadikan sebagai panduan.

TARAF KERAKYATAN

Manakala aspek taraf kerakyatan yang termaktub dalam PNB iaitu Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961 (UTK), juga dianggap sebagai penghalang kepada sesetengah golongan organisasi dan kumpulan.

Golongan organisasi yang dimaksudkan di sini ialah PRB. PRB menganggap sebahagian UTK terutama istilah 'Orang Melayu' dan juga warga asing yang ingin menjadi rakyat Brunei, telah menghalang cita-cita PRB untuk memenangi di dalam pilihan raya dan seterusnya mentadbir Kerajaan Brunei. Sebenarnya A.M. Azahari mempunyai penyokong yang besar yang terdiri daripada golongan kaum Iban (Dayak), namun mereka itu tidak dibenarkan untuk membuat pengundian kerana mereka bukanlah rakyat Brunei. Walau bagaimanapun mereka itu boleh menjadi rakyat Brunei melalui 'pendaftaran' dan 'naungan', namun proses untuk mendapatkannya memakan masa yang agak panjang iaitu 25 tahun. A.M. Azahari juga tidak senang dengan perkara tersebut kerana ia merupakan sesuatu yang agak panjang. Lalu beliau memohon melalui memorandum agar jangka waktu itu dipendekkan menjadi 10 tahun. Namun Sultan mempunyai kuasa di dalam membuat sebarang pindaan atau pembatalan isi kandungan dalam PNB seperti yang dimaktubkan dalam Bahagian XII Bab 85 (1) iaitu "Sultan boleh dengan pemasyhuran meminda atau membatalkan mana-mana kandungan perlembagaan ini termasuklah bab ini dan perlembagaan ini tiada boleh dipinda secara lain."

Selain PRB, orang-orang Cina yang sudah lama menetap di Brunei juga menganggap UTK itu suatu halangan terhadap aktiviti-aktiviti mereka termasuklah soal hak keistimewaan kerakyatan dan memegang jawatan penting dalam Pentadbiran Kerajaan. Di dalam PNB iaitu UTK, hanya tujuh puak jati Melayu sahaja diiktiraf sebagai rakyat Melayu Brunei iaitu Brunei, Tutong,

MANAKALA dari segi jawatan penting dalam Pentadbiran Kerajaan pula telah menjadikan Islam sebagai syarat utama di dalam melantik Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan. Perkara itu ada dinyatakan dalam PNB, Bahagian III, Bab 4 (5) iaitu "Maka tidak sesiapa pun boleh dilantik menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan melainkan dia itu orang Melayu yang beragama Islam ...". Ini bererti orang Melayu yang bukan beragama Islam tidak mempunyai peluang untuk menjawab jawatan tersebut. Akan tetapi, perkara tersebut adalah bertujuan agar agama Islam itu dapat diterapkan dalam Pentadbiran Kerajaan dan sekali gus dijadikan sebagai panduan.

Belait, Kedayan, Bisaya, Dusun dan Murut. Ini bererti puak Cina tidak tergolong dalam rakyat Melayu Brunei. Perkara tersebut juga telah menyebabkan mereka kehilangan hak keistimewaan kerakyatan. Walaupun mereka itu boleh memohon dan menjadi rakyat Brunei namun proses untuk mendapatkannya bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memakan masa yang agak panjang.

Adapun UTK yang diperuntukkan dalam PNB itu adalah bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada rakyat Brunei. Salah satu daripada tujuan tersebut ialah untuk memberikan keutamaan serta peluang kepada rakyat Brunei untuk menjalankan segala urusan dan memegang jawatan penting dalam Pentadbiran Kerajaan.

KESIMPULAN

Jelas anggapan yang dilontarkan oleh sesetengah golongan organisasi dan kumpulan dalam masyarakat Brunei bahawa perlembagaan merupakan suatu halangan adalah tindakan yang tidak memikirkan secara mendalam dan melihat kepentingan secara umum. Memang ada benarnya apa yang terkandung dalam PNB itu merupakan suatu halangan tapi bagi pihak mereka bukannya secara umum. Dengan kata lain, anggapan itu adalah semata-mata melihat kepentingan mereka saja. Dari sudut yang lain pula memperlihatkan bahawa pandangan SOAS III di dalam menggubal PNB itu bukan hanya setakat kepentingan untuk diri baginda sahaja, tetapi apa yang penting ialah untuk memberikan kesejahteraan dan juga kebaikan kepada rakyat baginda seluruhnya.

JELAS anggapan yang dilontarkan oleh sesetengah golongan organisasi dan kumpulan dalam masyarakat Brunei bahawa perlembagaan itu merupakan sesuatu halangan adalah tindakan yang tidak memikirkan secara mendalam dan melihat kepentingan secara umum. Memang ada benarnya apa yang terkandung dalam PNB itu merupakan suatu halangan tapi bagi pihak mereka bukannya secara umum. Dengan kata lain, anggapan itu adalah semata-mata melihat kepentingan mereka saja. Dari sudut yang lain pula memperlihatkan bahawa pandangan SOAS III di dalam menggubal PNB itu bukan hanya setakat kepentingan untuk diri baginda sahaja, tetapi apa yang penting ialah untuk memberikan kesejahteraan dan juga kebaikan kepada rakyat baginda seluruhnya.

MARILAH kita bertakwa dengan sebenar-benar takwa kepada Allah Azzawajalla, dengan mentaati segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita selamat di dunia dan di akhirat.

Insyallah, esok genap sudah 18 tahun kita merdeka, dan sambutan untuk meraikan hari tersebut pastinya akan disambut dengan meriah. Dan tema Hari Kebangsaan negara kita pada tahun ini ialah 'Memperkasa Keupayaan Bangsa'.


Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dalam tempoh 18 tahun ini

kita telah dapat merasakan nikmat udara negara yang merdeka. Dan yang paling penting ialah kita telah dapat menikmati kehidupan yang selesa dalam suasana aman damai dan makmur, harmoni dan bersatu padu serta dapat berlandung di bawah naungan Sultan yang adil pemerintahannya dan kasih kepada rakyatnya. Sesungguhnya inilah di antara anugerah dari Allah Subhanahu Wataala yang amat bernilai ke atas kita. Mudah-mudahan keadaan seumpama ini akan terus-menerus dapat kita nikmati serta negara dan rakyat akan sentiasa mendapat berkat dan inayah dari Allah Subhanahu Wataala.

Semenjak kita merdeka sehinggalah ke hari ini, kita telah melalui berbagai-bagai jenis perubahan dan pembaharuan ke arah yang positif dalam usaha untuk meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan kita. Dan perubahan ini akan terus berlaku dan kita hadapi supaya kita dapat berjalan seiringan dengan keadaan sekeliling dan kehidupan masa kini. Inilah proses kemajuan yang negara kita alami gabungan dari kemajuan ilmu, sumber tenaga manusia dan maklumat serta kemajuan teknologi mesin yang banyaknya datang dari negara luar. Hasilnya negara kita telah dapat memajukan diri sama ada dari sudut ekonomi mahupun pertaniannya.

Namun seiringan dengan kemasukan kemajuan teknologi tersebut, telah membawa masuk nilai-nilai budaya Barat serta ideologi asing dan sekular.

Inilah antara cabaran terbesar yang terpaksa negara kita hadapi dalam mengharungi era globalisasi di abad ke-21 ini. Andainya perubahan dan cabaran ini gagal ditangani secara bijaksana, berkemungkinan besar boleh mengakibatkan kemerosotan nilai moral anak-anak bangsa kita,



menjadi punca kepada krisis dan keruntuhan ekonomi serta menimbulkan perhubungan sosial dan politik yang tidak stabil.

Menyedari hakikat betapa seriusnya kesan dari urusan perubahan dan modenisasi yang cepat berlaku, ditambah lagi dengan kehadiran cabaran-cabaran yang mendesak, maka negara kita telah berusaha keras untuk menangani masalah tersebut dan di antara langkah yang diambil ialah rancangan penyediaan dan pelaksanaan program-program strategik lagi mantap bagi memperkasa keupayaan bangsa dalam pelbagai bidang kehidupan, terutamanya aspek pembinaan minda, kepimpinan, kreativiti, sikap dan kemahiran agar mampu menggerakkan dan mengembangkannya ke tahap yang lebih tinggi. Bahkan penekanan terhadap kecakapan dan profesionalisme turut diambil kira

Bantu kerajaan majukan bangsa

madun, sekali gus memajukan negara kita dari segi ekonomi, sosial, politik dan pertahanannya.

Dan adapun di antara resolusi untuk memajukan diri ialah kita terus kembali kepada ajaran agama Islam, patuh pada peraturan-peraturannya, tidak menentang atau mempertikai atau keluh-kesah untuk mentaati hukum-hukum yang telah ditetapkan dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, memantapkan diri dengan ilmu lebih-lebih lagi ilmu agama fardu ain seperti Ilmu Fikah, Tauhid, Tasawuf, dan tidak kurang pula ilmu-ilmu fardu kifayah seperti Sains, Ilmu Hisab, kedokteran dan lain-lain lagi. Kita juga harus memenuhi jiwa dengan iman dan takwa, berperibadi dan berakhlak tinggi lagi mulia, dengan demikian insya-Allah diri kita akan sentiasa terpelihara dari menjadi insan yang buruk perilakunya, insan yang tiada pegangan dan keyakinan diri, mempunyai iman yang rapuh dan lemah sehingga mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat atau mudah diracuni oleh pemikiran-pemikiran budaya luar yang mana akibatnya boleh menyatukan kita dari norma kehidupan sebahagian hamba Allah yang beriman.

Dan apabila diri kita sudah ada benteng atau perisai dengan iman dan takwa, ditambah lagi dengan ilmu serta kemahiran-kemahiran dalam bidang kerjaya kehidupan, pasti apa pun tugas atau tanggungjawab yang diberi akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan baik. Sesungguhnya jiwa yang kosong dari iman dan takwa akan mudah menyebabkan dirinya ke arah perbuatan yang jahat, menjadikan manusia yang hanya tahu pentingkan diri sendiri, rakus pada kemewahan dunia dan hanya tertarik pada keseronokan dan hiburan. Inilah ciri-ciri manusia yang bakal merosakkan negara iaitu apabila amalan rasuah, riba, pecah amanah, bermusuhan-musuhan dan sebahagiannya telah dilakukan oleh mereka secara terang-terangan.

Dari itu janganlah kita musnahkan harapan negara kita yang tercinta ini. Kerana antara cita-cita negara kita ialah untuk memperkasa keupayaan bangsa dan usaha untuk menjadikan anak watan Negara Brunei Darussalam memiliki sahsiah berjati diri berunsurkan Melayu Islam Beraja, berdaya upaya, maju yang tinggi, profesional, bersemangat, berdaya saing, berdedikasi, bersatu padu

dan serba boleh bagi benar-benar mendaulkan rahmat kemerdekaan yang dimiliki.

Sabagai tanda syukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala, marilah kita datang beramai-ramai di masjid-masjid atau surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada petang ini untuk sama-sama mengerjakan salat berjemaah fardu Maghrib dan Isyak, membaca Yaasiin dan memohon doa bersempena menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan tanah air kita yang tercinta ini. Semoga negara kita akan sentiasa aman makmur, bersatu padu dan dilimpahi dengan rahmat dari Allah Azzawajalla, Amin Ya Rabbil Alamin.

Firman Allah dalam Surah Al-A'raaf ayat 96 yang tafsirannya:

"Dan (Tuhan berfirman lagi) sekiranya penduduk negeri ini beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkat dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan Rasul Kami, lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah diusahakan."

Waktu Sembelung, Amasak, Shorruk dan Zuhri

Waktu Sembelung, Amasak, Shorruk dan Zuhri Baiki Dataran Brouni dan Mawara Mawara Duri Hari Rabu, 14 Dzulhijjah, 1422 Brouni 27 Februari, 2002 Hiji Kharu Thlat, 20 Dzulhijjah, 1422 Brouni 5 Mac, 2002 Adale Sufat Dabaw Aini :-

Hejre	Zuhri	Eshur	Mugrib	Amasak	Sorruk	Zuhri	Misih
14	12.35	3.52	6.34	5.06	6.33	6.56	27
15	12.35	3.51	6.34	5.05	6.32	6.56	28
16	12.34	3.51	6.34	5.05	6.32	6.55	1
17	12.34	3.50	6.34	5.05	6.32	6.55	2
18	12.34	3.50	6.34	5.05	6.31	6.55	3
19	12.34	3.49	6.34	5.04	6.31	6.54	4
20	12.34	3.48	6.34	5.04	6.30	6.54	5

Waktu Sembelung Baiki Dataran Dabaw Minat dan Dataran Blait Dabaw Nig Minat, Sembelung Fuz Jema Dabaw Nigara Brouni Daralalam Mawara Duri Fokl 12.45 Tuhari.



JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELAN PEMULIHAN EKONOMI JANGKA PENDEK

NOTIS TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan.

- 1) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/001/2002 - REPLACEMENT OF DAMAGED / ROTTEN TIMBER BEAM / JOIST AND FLOOR BOARDING AT SEKOLAH RENDAH DATO GODAM BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (1b,c)/UPPB/T/01/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 2) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/002/2002 - REPLACEMENT OF SLIDING WINDOW TO SEKOLAH RENDAH PDN PJ SENGKARAI, TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (27c)/UPPB/T/02/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 3) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/003/2002 - REPLACEMENT OF CORRODED LOUVRES WINDOWS TO SLIDING WINDOWS & FABRICATION OF SECURITY GRILLES AT SR DATO GODAM, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (11)/UPPB/T/03/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 4) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/004/2002 - REPLACEMENT OF DAMAGED TIMBER BEAM / JOIST AND FLOOR BOARDING AT SEKOLAH RENDAH SUNGAI SIAMAS, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (2b,c)/UPPB/T/04/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 5) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/005/2002 - WATERPROOFING WORKS TO R.C. ROOF GUTTER AT SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATU SERI MAHARAJA, MENTIRI, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 5d sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (7c)/UPPB/T/05/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 6) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/006/2002 - REPAINTING TO SEKOLAH RENDAH SUBOK, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (12g)/UPPB/T/06/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 7) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/007/2002 - ALUMINIUM SLIDING WINDOW TO SEKOLAH RENDAH SUBOK, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (12f)/UPPB/T/07/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 8) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/008/2002 - REPAINTING AND REPAIR TO SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (8f)/UPPB/T/08/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 9) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/009/2002 - TILING WORK TO SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (8d)/UPPB/T/09/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 10) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/010/2002 - ALUMINIUM SLIDING WINDOW TO SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (8c)/UPPB/T/10/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 11) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/011/2002 - TILING WORK TO SEKOLAH RENDAH SUBOK, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (12c)/UPPB/T/11/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 12) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/012/2002 - REPAIR TO APRONS AND DRAIN AT SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4d sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (8e)/UPPB/T/12/2002. Yuran Dokumen: \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
- 13) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/013/2002 - REPAIRWORKS TO TOILET BLOCK 'B' AT SEKOLAH RENDAH PDN PJ, TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas II,III,IV di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (27b)/UPPB/Q/02/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 14) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/014/2002 - REPAIRWORKS TO TOILET BLOCK 'A' AT SEKOLAH RENDAH PDN PJ SENGKARAI, TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (27b)/UPPB/Q/04/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 15) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/015/2002 - REPAIRWORKS TO STAFF TOILET BLOCK 'A' AT SEKOLAH RENDAH PDN PJ SENGKARAI, TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (27b)/UPPB/Q/05/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 16) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/016/2002 - TILING WORKS TO SEKOLAH RENDAH PENAGA, BELAIT DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (26e)/UPPB/Q/06/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 17) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/017/2002 - REPAIR AND REPAINTING TO TOILETS AT SEKOLAH RENDAH SUBOK, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (12d)/UPPB/Q/07/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

- 18) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/017/2002 - HANDRAIL AT SEKOLAH RENDAH SUBOK, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (12a)/UPPB/Q/08/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 19) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/019/2002 - REPAIRWORKS TO TOILET AT SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENTIRI, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (7b)/UPPB/Q/09/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 20) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/020/2002 - REPAIRWORKS TO CLASS 'C' BUNGALOW NO.10 AT MAKTAB DULU PG. MUDA AL-MUHTADEE BILLAH GADONG, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (36)/UPPB/Q/10/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 21) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/021/2002 - KERJA MENUKAR ATAP BUNGALOW 'B3' DI JABATAN KOKURIKULUM, GADONG, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (35)/UPPB/Q/11/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 22) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/022/2002 - REPAIRWORKS TO STAFF TOILET BLOCK 'A' AT SEKOLAH RENDAH PDN PJ SENGKARAI, TUTONG DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (27b)/UPPB/Q/13/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 23) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/023/2002 - REPAIRWORKS TO TOILET BLOCK 'B' AT SEKOLAH RENDAH PDN PJ SENGKARAI, TUTONG DISTRICT, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (27b)/UPPB/Q/14/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 24) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/024/2002 - REPAIRWORKS TO TOILETS AT SM PG ISTERI HJH MARIAM, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (23d)/UPPB/Q/16/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 25) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/025/2002 - REROOFING WORKS TO CLASS 'B' JKR NO. 737, JALAN MAULANA, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (234)/JKR/SKB/T/01/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 26) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/026/2002 - REROOFING WORKS TO CLASS 'B' JKR NO. 738, JALAN MAULANA, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (235)/JKR/SKB/T/02/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 27) PROJECT TITLE: JPKE/UPPB/MTC/027/2002 - REROOFING WORKS TO CLASS 'B' JKR NO. 739, JALAN MAULANA, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (236)/JKR/SKB/T/03/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 28) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/028/2002 - REROOFING WORKS TO CLASS 'B' JKR NO. 740, JALAN MAULANA, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (237)/JKR/SKB/T/04/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 29) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/029/2002 - REROOFING WORKS TO 1 BLOCK 8 UNITS BARRACK (JKR 231) AT BALAI BOMBA HOUSING COMPOUND, SERIA. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (213)/JKR/SKB/T/05/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 30) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/030/2002 - REROOFING WORKS TO 1 BLOCK 8 UNITS BARRACK (JKR 232) AT BALAI BOMBA HOUSING COMPOUND, SERIA. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (214)/JKR/SKB/T/06/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 31) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/031/2002 - REROOFING WORKS TO 1 BLOCK 8 UNITS BARRACK (JKR 236) AT BALAI BOMBA HOUSING COMPOUND, SERIA. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (215)/JKR/SKB/T/07/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 32) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/032/2002 - REROOFING WORKS TO BARRACK (JKR NO. 287), 1 BLOCK 24 UNITS, JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT, (POLICE COMPOUND). Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (134)/JKR/SKB/T/08/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 33) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/033/2002 - REROOFING WORKS TO BARRACK (JKR NO. 503), 1 BLOCK 24 UNITS, JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT, (POLICE COMPOUND). Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (135)/JKR/SKB/T/09/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 34) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/034/2002 - REROOFING WORKS TO BARRACK (JKR NO. 309), 1 BLOCK 20 UNITS, JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT, (POLICE COMPOUND). Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (137)/JKR/SKB/T/10/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 35) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/035/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI ATAP RUMAH PERSINGGAHAN, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 18/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (124)/JKR/SKB/T/11/2002. Yuran Dokumen: \$ 25.00 (tidak dikembalikan).
- 36) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/036/2002 - KERJA-KERJA MENUKAR ATAP ASBESTOS BAGI PERUMAHAN POLIS - 1 BLOK 2 UNIT (JKR NO.45) KAWASAN POLIS SG LIANG. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (224)/JKR/SKB/Q/01/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 37) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/037/2002 - KERJA-KERJA MENUKAR ATAP ASBESTOS BAGI PERUMAHAN POLIS - BLOK A 8 UNIT (JKR NO.16) KAWASAN POLIS LABI. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (225)/JKR/SKB/Q/02/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).
- 38) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/038/2002 - KERJA-KERJA MENUKAR ATAP ASBESTOS BAGI PERUMAHAN POLIS - BLOK B 7 UNIT (JKR NO.17) KAWASAN POLIS LABI. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (226)/JKR/SKB/Q/03/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

JPKE(226)/JKR/SKB/Q/03/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

39) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/039/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI ATAP ASBESTOS GERAI MAKAN, JALAN BUNGA RAMBAI, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (130)/JKR/SKB/Q/04/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

40) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/040/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI & MENGUBAHSAUI ATAP ASBESTOS SERTA MEMBAIKI TANDAS LELAKI SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (196)/JKR/SKB/Q/05/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

41) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/041/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI & MENGUBAHSAUI ATAP ASBESTOS SERTA MEMBAIKI TANDAS PEREMPUAN SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (197)/JKR/SKB/Q/06/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

42) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/042/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI ATAP ASBESTOS BANGLO KELAS 'E' (JKR NO. 285) KAWASAN POLIS JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (139)/JKR/SKB/Q/07/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

43) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/043/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI ATAP ASBESTOS BANGLO KELAS 'E' (JKR NO. 286) KAWASAN POLIS JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (141)/JKR/SKB/Q/08/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

44) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/044/2002 - KERJA-KERJA MENGANTI ATAP BENGKEL (JKR NO. 312) KAWASAN POLIS JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (144)/JKR/SKB/Q/09/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

45) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/045/2002 - EXTERNAL REPAINTING WORK TO 2 BLOCKS OF CLASS 'G' TELEKOM BARRACK AT JALAN DATO AHMAD BERAKAS, BRUNEI DARUSSALAM (JKR 453 & JKR 454). Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (92)/JKR/SBM/Q/01/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

46) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/046/2002 - EXTERNAL REPAINTING WORK TO POST OFFICE FLAT AT MUARA, BRUNEI DARUSSALAM (JKR 395). Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (83A)/JKR/SBM/Q/2A/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

47) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/047/2002 - EXTERNAL REPAINTING WORK TO POST OFFICE FLAT AT SENGKURONG, BRUNEI DARUSSALAM (JKR 396). Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (83B)/JKR/SBM/Q/03/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

48) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/048/2002 - REROOFING AND REPAIR OF GUTTERS AT WORKSHOP (JKR 44) MARINE DEPARTMENT SERASA MUARA, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (53)/JKR/SBM/Q/04/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

49) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/049/2002 - RECTIFICATION OF DEFECTS AT AIR CONDITIONING COMPRESSOR PLANT (JKR 2107) AT MARINE DEPARTMENT JALAN MUARA, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 5j sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (52A)/JKR/SBM/Q/05/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

50) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/050/2002 - REROOFING OF CAR PARKS (JKR NO. 2097) AT TELEKOM HOUSE JALAN SUMBILING LAMA, BSB, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (57)/JKR/SBM/Q/07/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

51) TAJUK PROJEK: JPKE/UPPB/MTC/051/2002 - WATERPROOFING TO R C GUTTERS AT HEADQUARTERS BUILDING MARINE DEPARTMENT (JKR NO. 42) SERASA MUARA, BRUNEI DARUSSALAM. Dibukakan bagi kontraktor-kontraktor Kelas I,II di bawah Kategori 4a sahaja. Tarikh Tutup Tawaran: **Isnin 11/3/2002 jam 2.00 petang**. Rujukan Tawaran: JPKE (54)/JKR/SBM/Q/08/2002. Yuran Dokumen: \$ 10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-syarat Tawaran:

1. Semua dokumen-dokumen tawaran boleh mula diperolehi pada hari Selasa, 26 Februari 2002.
2. TEMPAT MEMPEROLEHI DOKUMEN TAWARAN:
Dokumen-dokumen tawaran boleh diambil dari alamat-alamat berikut:
- Projek-projek JPKE/UPPB/MTC/001/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/024/2002 di Unit Perancangan dan Pemeliharaan Bangunan, Blok D, Tingkat 3, Kementerian Pendidikan;
- Projek-projek JPKE/UPPB/MTC/025/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/044/2002 di Unit Pemeliharaan Bangunan, JKR, Kuala Belait;
- Projek-projek JPKE/UPPB/MTC/045/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/051/2002 di Seksyen Pengurusan Bangunan, JKR, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas.
TEMPAT MENGALAMATKAN / MENGEMBALIKAN TAWARAN:
3. Tawaran-tawaran bagi projek-projek JPKE/UPPB/MTC/001/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/012/2002 dan Projek-projek JPKE/UPPB/MTC/025/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/035/2002 hendaklah dihantar ke dalam Peti Tawaran di alamat berikut tidak lewat dari hari Isnin 18 Mac 2002 jam 2.00 petang. Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 6, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan.
4. Sementara itu tawaran-tawaran bagi projek-projek JPKE/UPPB/MTC/013/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/024/2002 hendaklah dihantar tidak lewat dari Isnin 11 Mac 2002 jam 2.00 petang di Unit Perancangan dan Pemeliharaan Bangunan, Blok D, Tingkat 3, Kementerian Pendidikan.
5. Bagi projek-projek JPKE/UPPB/MTC/036/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/044/2002 tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari Isnin, 11 Mac 2002, jam 12 tengah hari di Unit Pemeliharaan Bangunan, JKR, Kuala Belait.
6. Bagi tawaran-tawaran projek-projek JPKE/UPPB/MTC/045/2002 hingga JPKE/UPPB/MTC/051/2002 pula hendaklah dihantar tidak lewat dari Isnin, 11 Mac 2002 jam 12 tengah hari di Seksyen Pengurusan Bangunan, JKR, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.
7. Tawaran-tawaran atau sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan diilayan.
8. Tawaran-tawaran atau sebut harga mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang ditutup rapi (sealed) dengan menyatakan lajur tawaran projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar di atas sampul surat.
9. Bayaran bagi setiap dokumen tawaran dan sebut harga adalah tidak dikembalikan.
10. Tawaran-tawaran dan sebut harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau tawaran-tawaran selain daripada yang diiklankan.

Baiduri Bank Berhad t-tangani MOU

Skim Bantuan Kewangan

Oleh Aliddin HM

BERAKAS. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Baiduri Bank Berhad telah menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MOU) bagi mewujudkan rangkaian kerjasama di antara kedua-dua belah pihak dalam hal pentadbiran dan pengurusan penyaluran Skim Bantuan Kewangan.

Di samping itu juga untuk memberi peluang penyertaan kepada bank tempatan seperti Baiduri Bank Berhad supaya turut sama terlibat dalam menjayakan atau mengendalikan program-program tertentu yang menjurus kepada pembangunan ekonomi di negara ini.

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman itu, KPSSU bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Matdanan bin Haji Jaafar. Manakala bagi pihak Baiduri Bank Berhad pula diwakili oleh Pengurus Kanan, Perbankan Korporat, Baiduri Bank Berhad, Dayang Yvonne Chan yang berlangsung di KPSSU di sini 6 Februari lalu.

Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Idris bin Haji Belaman telah menyaksikan majlis penandatangan tersebut.

Melalui perjanjian itu, dijangkakan dapat memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha di negara ini membuat pilihan dalam mendapatkan kemudahan Skim Bantuan Kewangan berkenaan.

Skim tersebut disalurkan kepada peng-

usaha-pengusaha yang layak melalui dua skim yang dipanggil sebagai Skim Kemudahan Perusahaan dan Skim Kewangan Mikro-Kredit.

Skim Bantuan Kewangan dalam Skim Kemudahan Perusahaan itu ditawarkan kepada para pengusaha Melayu yang layak dan berkewibawaan dalam bidang perniagaan dan skim itu telah diperkenalkan pada penghujung tahun 1999 yang merangkumi sektor pertanian, perikanan, pembuatan dan pelancongan. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti pemprosesan dalam sektor pertanian dan perikanan. Jumlah bantuan kewangan bagi setiap syarikat untuk skim ini dihadkan sehingga \$1.5 juta.

Sementara Skim Kewangan Mikro-Kredit yang dilancarkan pada Mei 2001 menawarkan kepada para pengusaha dalam sektor utama seperti pertanian, perikanan dan perhutanan dan juga bidang perusahaan yang lain seperti bengkel kereta, hawa dingin, elektrik dan elektronik, pemprosesan, makanan, kedai gunting, salon kecantikan, kedai jahit, restoran atau penyajian, teknologi maklumat dan telekomunikasi, perusahaan kampung, asuhan kanak-kanak, pelancongan dan kraf tangan, runcit dan pemasaran, perkhidmatan profesional, kedai membaiki pulih seperti elektrik, elektronik, 'plumbing' dan lain-lain. Jumlah bantuan kewangan bagi setiap syarikat untuk skim ini dihadkan sehingga \$30 ribu.



RANGKAIAN kerjasama dalam hal pentadbiran dan pengurusan penyaluran Skim Bantuan Kewangan ditandatangani oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Matdanan bin Haji Jaafar bagi pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Dayang Yvonne Chan, Pengurus Kanan Perbankan Korporat bagi pihak Baiduri Bank Berhad. Hadir menyaksikan majlis itu ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Idris bin Haji Belaman. - Gambar oleh Halim HS.

MPK Bengkurong, Sinarubai, Burong Lepas lawat Pusat Ehsan

Oleh Ak. Jefferi PD

BENGKURONG. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam ialah sebuah pusat yang menangani kebajikan insan-insan istimewa yang bukan dibiayai oleh kerajaan, yang mana pusat ini dibina oleh Half Way Development Project Team untuk pusat riadah bagi insan-insan yang istimewa iaitu mereka yang mempunyai gangguan psikologi.

Pusat ini juga bukan hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti yang diungkayahkan tetapi ianya juga sering menerima lawatan daripada orang-orang perseorangan mahupun jabatan-jabatan atau swasta.

Baru-baru ini pusat tersebut telah menerima lawatan daripada ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampong (MPK) Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas, pada 9 Februari lalu.

Dalam lawatan tersebut para pelawat diberikan taklimat mengenai pusat berkenaan dan fungsi-fungsi serta aktiviti-aktiviti pusat tersebut. Manakala tujuan lawatan MPK antara lainnya adalah untuk mengetahui dan melihat dengan lebih mendalam mengenai perkembangan, aktiviti dan kemajuan pusat itu, di samping untuk mendekati dan merapatkan lagi hubungan warga pusat dengan ahli-ahli Jawatankuasa MPK.

Pengurus Pusat tersebut, Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Mohd. Yassin menerangkan bahawa dalam sedikit masa lagi pusat berkenaan bukan hanya menempatkan bagi insan yang malang (unfortunate persons) tetapi ianya juga nanti akan dibukakan bagi warga tua (bukan dijadikan sebagai Pusat Orang-orang Tua) membuat perjumpaan sesama mereka di dalam memenuhi masa-masa lapang mereka di mana mereka juga akan membuat aktiviti seperti beribadah selain dapat berinteraksi sesama mereka.

Dalam memenuhi hasrat tersebut beliau juga sempat mengucapkan penghargaan terima kasih beliau kepada semua para media kerana pendedahan yang diberikan kepada pusat tersebut untuk lebih dikenali lagi oleh orang ramai baik secara persendirian mahupun berkumpulan, swasta dan kerajaan kerana tanpa adanya pendedahan yang cukup yang diberikan oleh pihak media sudah setentunya Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam tidak akan dikenali.

Pusat berkenaan selain digunakan untuk insan yang malang juga digunakan oleh Persatuan Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) yang bermula pada bulan Julai 1999.

Untuk memenuhi hasrat dan kemudahan yang lebih selesa kepada pengguna pusat tersebut beberapa pengubahsuaian dan bangunan tambahan selain rumah hijau untuk menanam sayur-sayuran hidroponik, rumah untuk menanam bunga anggerik, sebuah gazebo, woksyoop untuk membuat tembikar dan pagar di sekeliling bangunan, yang mana hampir keseluruhan perbelanjaan dibiayai oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam juga merupakan Penaung Persatuan PAPDA. Sementara Persatuan PAPDA pula menanggung perbelanjaan menjalankan aktiviti seharian dan gaji semua pekerja di pusat tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah membuat tanaman hidroponik (sayur-sayuran), tanaman bunga orkid, kraf tangan, jahitan dan sulaman, pembuatan tembikar, sambutan hari-hari tertentu, kelas bahasa Inggeris, kelas agama dan muzik (Senandung PAPDA), tujuan aktiviti diadakan adalah untuk memperbaiki kualiti kehidupan ahli-ahli biasa persatuan dan dapat mendatangkan hasil pendapatan kepada pusat ehsan, di samping mengurangkan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh Persatuan PAPDA. Selain dari itu, pusat ini juga dijadikan sebagai tempat insan-insan yang bermasalah mental berganda, di mana program ini baharu berjalan dalam pertengahan bulan Januari 2002.

Dalam lawatan tersebut, ahli-ahli Jawatankuasa Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas juga berkesudahan menyumbangkan derma berupa kewangan dan alat-alat perkakas kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam. Lawatan tersebut diketuai oleh Penasihat MPK Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof.



ROMBONGAN ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampong (MPK) Kampong Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas ketika membuat lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (atas). Sementara gambar bawah, Pengurus pusat tersebut, Pengiran Haji Tajuddin menerima derma tersebut. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

IBU bapa merupakan asas kepada tertubuhnya sebuah institusi keluarga, sementara anak-anak pula sebagai pelengkap kepada suasana kekeluargaan itu dan juga sebagai penyambung generasi yang akan datang. Tidak dinafikan bahawa tanggungjawab sebagai ibu bapa bukanlah satu tugas yang mudah untuk dipikul. Sememangnya impian dan harapan setiap ibu bapa adalah untuk melihat anak-anak mereka berjaya di dalam kehidupan masing-masing di mana mereka ini sanggup berusaha keras demi memenuhi keinginan dan keperluan anak-anak.

Di dalam hal ini, agama Islam amat menyanjung jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh para

Kewajipan taat kepada ibu bapa

ibu bapa kepada anak-anak dengan memerintahkan agar melakukan ketaatan kepada keduanya dengan pelbagai cara di antaranya menghormati mereka, berlemah lembut, bersopan santun dan berkasih sayang.

Perintah agar kita selaku anak-anak supaya bersikap seperti yang disebutkan tadi amat jelas dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' ayat 23 - 24 yang tafsirnya:

"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya engkau tidak menyembah selain daripada Allah semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya atau keduanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebagai perkataan kasar) sekalipun perkataan 'ah' dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah untuk mereka dengan berkata : Wahai

Tuhanku, berilah rahmat kepada mereka sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil."

Sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dan Al-Hakim dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud :

"Keredaan Allah terletak kepada keredaan ibu bapa dan kemurkaan Allah terletak kepada kemurkaan ibu bapa."

Secara langsung intipati hadis di atas juga berkisar mengenai larangan keras daripada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita selaku anak-anak tidak melakukan apa jua perkara yang boleh menyinggung hati dan perasaan kedua-duanya atau dengan kata lain bersikap derhaka (sama ada melalui perkataan ataupun perbuatan) kerana dengan bersikap demikian maka ianya bakal mengundang bahaya yang lebih besar lagi daripada itu iaitu kemurkaan Allah Subhanahu Wataala.

Derhaka kepada ibu bapa dikategorikan dalam dosa-dosa besar seperti sabda Baginda Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dari Anas bin Malik yang bermaksud :

"Sebesar-besar dosa besar itu menyekutukan Allah, membunuh, derhaka kepada ibu bapa dan berkata dusta (menjadi saksi palsu)."

Sementara itu di antara kebaikan yang boleh kita lakukan terhadap ibu bapa ialah dengan berbakti kepada mereka selagi mereka masih ada, ketika mereka di usia tua (memerlukan bantuan sama ada dari segi tenaga mahupun kasih sayang), malahan lebih jauh lagi daripada itu iaitu ketika mereka sudah tiada lagi di dunia ini dengan berdoa kepada Allah agar mereka sentiasa diberikan rahmat oleh Allah Subhanahu Wataala kerana doa seorang anak yang salih itu akan sampai kepada ibu bapanya.

Demikianlah beberapa dalil yang menunjukkan betapa agama Islam begitu memandang tinggi terhadap jasa ibu bapa. Dari itu, kita selaku anak-anak dilarang bersikap derhaka kepada kedua-dua ibu bapa kerana perbuatan sedemikian dikira sebagai dosa besar.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Hari Kebangsaan lambang perpaduan

PERPADUAN merupakan kunci utama kepada kesejahteraan. Tanpa adanya perpaduan kesejahteraan dan keamanan negara tidak akan dicapai. Malah ianya akan menjejaskan dan membatalkan kelancaran proses pembangunan negara. Begitulah tingginya harga sebuah perpaduan, yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Maka dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang meraikan Hari Kebangsaan Ke-18 tahun ini, tidak syak lagi bahawa Hari Kebangsaan adalah lambang perpaduan yang dapat mewujudkan suasana dan kondusif yang aman dan sejahtera.

Dengan adanya perpa-

duan, kestabilan politik dan ekonomi telah memungkinkan negara kita mencapai dan meraih kejayaan demi kejayaan. Ini menjadikan kerajaan mudah merancang dan dapat memberikan perhatian dan pemedulian yang serius terhadap taraf kehidupan rakyat dan penduduk. Dan akhirnya alhamdulillah berkat adanya kerajaan yang benar-benar mengalinga dan prihatin terhadap kebajikan rakyatnya, negara kita semakin bertambah makmur dan sejahtera seperti yang kita nikmati sekarang. Selain daripada itu, dengan wujudnya perpaduan yang erat antara kerajaan dan rakyat jelata telah membolehkan kerajaan menggerakkan setiap

jentera pembangunan dan kemajuan negara dengan jayanya tanpa sebarang masalah. Begitulah kesan daripada perpaduan yang wujud selama ini.

Sesungguhnya, Hari Kebangsaan yang kita rayakan pada setiap tahun merupakan detik yang amat istimewa dalam sejarah negara kita. Detik 23 Februari itu perlulah kita rayakan dan besarkan dengan selayaknya. Kerana kemerdekaan yang kita capai pada tanggal 1 Januari, 1984 merupakan pengiktirafan antarabangsa yang mana bangsa dan negara kita telah menjadi sebahagian daripada negara-negara dunia yang telah merdeka. Dan yang lebih penting, kemerdekaan itu

memberikan kita pelbagai keistimewaan dan peluang-peluang yang melimpah-ruah dalam kita memajukan bumi darussalam ini.

Hari bersejarah itu merupakan lambang bangsa Brunei yang bersatu padu, taat setia kepada agama dan raja dan cintakan kepada tanah air. Lebih jauh dari itu, ianya juga adalah manifestasi yang amat bernilai dalam usaha kita mewujudkan perpaduan dan semangat kerjasama yang jitu di kalangan rakyat dan penduduk ke arah merealisasikan cinta dan taat setia rakyat kepada raja dan negara.

Sememangnya adalah menjadi tradisi kita untuk

menyambut perayaan Hari Kebangsaan secara sederhana. Tetapi kesederhanaan itu tidak bermakna sambutan yang dirayakan itu tidak meriah, bahkan mempunyai visi dan makna yang besar bagi kita mewujudkan perpaduan dan kerjasama di kalangan warga Brunei.

Penyertaan dan penglibatan rakyat dan penduduk terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat dalam menyayakan Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan mencerminkan semangat patriotik yang begitu tinggi dan kental serta kuat ikatannya semata-mata bagi menjunjung kedaulatan raja dan kesentosaan negara. Semua golongan telah me-

nunjukkan kesatuan yang begitu teguh dan sepadu dalam merencanakan setiap acara yang dipersembahkan.

Kesetiaan rakyat Brunei yang tidak berbelah bahagi kepada raja kita yang tercinta adalah teras keutuhan bernegara dan kekuatan berbangsa. Manifestasi kesetiaan dan ketaatan bernegara itu dapat kita saksikan sendiri daripada penyertaan segenap lapisan masyarakat secara sukarela dalam sama-sama menyayakan dan mengukayahkan sambutan yang bersejarah itu.

Pendek kata, Hari Kebangsaan sebagai satu wadah dan 'milestone' yang amat berharga yang telah dapat membawa kesatuan dan perpaduan yang amat kuat di kalangan warga Brunei. Misalnya, masyarakat kita dapat diasuh dan diajar me-

ngenai apa itu perpaduan. Ini menjadikan mereka lebih bersedia dalam mengharungi gelombang dan arus globalisasi yang banyak membawa perubahan dan cabaran yang bermacam-macam.

Maka untuk itu amatlah mustahak bagi kita untuk mengekalkan dan mempertahankan perpaduan yang wujud selama ini di kalangan rakyat dan penduduk. Jangan biarkan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk memecahbelahkan perpaduan yang kita nikmati selama ini yang telah membawa rahmat kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Awang Muhammad Noor Firdaus bin Haji Jaafar,
Sekolah Menengah Berakas.
No. k/p : 303101

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hari Kebangsaan Lambang Perpaduan. Bincangkan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

DALAM beberapa hari sahaja lagi kita akan merayakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18. Tarikh 23 Februari sudah melekat di dalam ingatan bagi setiap lapisan rakyat dan penduduk negara ini kerana kedatangan tarikh tersebut setiap tahun membawa makna yang besar artinya kepada seluruh warga Negara Brunei Darussalam. Tarikh tersebut tersimpan maruah dan kedaulatan bangsa yang merdeka. Seluruh warga yang bersikap patriotik akan menyambutnya dengan penuh semangat dan bersyukur ke atas limpah yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wataala di bumi bertuah ini.

Pintu-pintu gerbang dan bendera kita berkibar dengan megahnya sama ada di rumah, sekolah, pejabat kerajaan, pusat-pusat komersil mahupun di kereta persendirian semasa perayaan Hari Kebangsaan. Semangat inilah yang ingin kita saksikan sebagai tanda taat setia kepada negara. Inilah bukti jelas yang menunjukkan warga kita siap siaga dalam mewujudkan perpaduan bagi menyayakan hari kebesaran tersebut. Segala apa jua usaha yang kita lakukan demi negara, haruslah ada perpaduan. Kerana dengan perpaduanlah kita mampu menjadi kuat dan mampu merealisasikan tema pada tahun ini

Lakukan demi negara

'Memperkasa Keupayaan Bangsa'.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini patut bersyukur kerana menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam, sebuah negara yang dilimpahi kekayaan serta keamanan. Dari tahun ke setahun ada sahaja pembangunan dan kemajuan baik dari segi infrastruktur, ekonomi, sosial, pendidikan, keagamaan, kerohanian dan seumpamanya yang merangkumi ke seluruh negara baik di bandar mahupun kawasan-kawasan luar bandar tidak terlepas dari menikmati kemakmuran dan keamanan hasil dari perpaduan dan kerjasama semua pihak.

Maka sudah sewajarnya kita meraikan dan memeriahkan sambutan tersebut menurut yang selayaknya mengikut landasan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan cara hidup masyarakat kita. Dalam meraikan dan memeriahkan sambutan tersebut setiap individu berperanan untuk memberi sumbangan menurut ke-

mampuan masing-masing sama ada terlibat secara langsung mahupun tidak. Sekecil-kecil sumbangan ialah dengan memberikan sokongan moral, sama-sama memeriahkan apa jua acara yang berkaitan, jika pun tidak setiap warga haruslah menjaga kebersihan di tempat berlangsungnya acara berkenaan. Ini pastinya mampu mewujudkan semangat muhibah, persefahaman dan mengeratkan lagi tali silaturahmi yang menjadi intipati kepada perpaduan. Kerana tanpa adanya semangat yang sedemikian itu perlaksanaan acara-acara tersebut mungkin berjalan kurang lancar dan menemui kesulitan.

Inilah yang kita harapkan. Janganlah nanti kita hanya memberikan kerjasama serta mempraktikkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari berkenaan sahaja tetapi tidak pada hari-hari lain-

nya. Keadaan ini tidak ubah seperti melepaskan batu di tangga. Seharusnya kita patut mempunyai sifat nasionalisme dan patriotik bagi menghormati kedaulatan kita selaku bangsa merdeka serta memperingati jasa orang-orang lama yang pernah berjuang demi kedaulatan bangsa kita sekarang ini. Kita mesti ada perpaduan demi menghadapi cabaran-cabaran global yang mengandungi pelbagai kemungkinan dan susah untuk diramal. Kejayaan dan kemajuan serta survival bangsa di masa hadapan bergantung kepada perpaduan kita pada hari ini kerana kemakmuran dan keamanan yang dikecapi adalah hasil perpaduan nenek moyang kita dahulu kala. Oleh yang demikian, Hari Kebangsaan merupakan lambang perpaduan dan kebanggaan kita.

Awang Mahathir bin Haji Nordin,
No. 507, Kampong Keriam, Tutong.
TB 1141.
No. k/p : 287446

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Perniagaan Secara Ali Baba. Bincangkan Kesan dan Langkah Mengatasinya'. Tarikh tutup 2 Mac, 2002.
2. 'Perlunya Budaya Bersopan Santun Dikekalkan. Bincangkan'. Tarikh tutup 9 Mac, 2002.
3. 'Konsep Hijrah Perlu Dalam Era Globalisasi'. Tarikh tutup 16 Mac, 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting, Minda Pembaca, Unit Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon ketika hadir merasmikan 'Study At UBD 2002' yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam pada 16 Februari lepas. - Gambar oleh Harun HR.

Sektor swasta perlu beri kerjasama

Oleh Aliddin HM

GADONG. - Sektor swasta diseru supaya memainkan peranan mereka untuk memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang pernah di bawah pengawasan Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Penolong Pengarah Cawangan Pengawasan dan Penyiasatan, Awang Haji Roslan bin Haji Suhaili membuat seruan itu di Majlis Penyampaian Sijil pembebasan orang yang di bawah pengawasan BKN di jabatan tersebut pada 7 Februari lalu.

Beliau menjelaskan, kebanyakan orang yang di bawah pengawasan yang dirujuk dari Jabatan Penjara setelah tamat menjalani hukuman dan rawatan di Rumah Al-Islah adalah terlatih dalam bidang kemahiran seperti pertukangan kayu, besi, jahitan dan bercucuk tanam.

"Dengan kemahiran-kemahiran yang diberikan itu disarankan pihak-pihak swasta akan dapat memberikan peluang kepada mereka ini agar dapat dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya bagi diterima berkhidmat di syarikat-syarikat yang ada," ujarnya.

Beliau menambah, tanpa penglibatan pihak swasta dalam perkara itu, masalah yang dihadapi oleh bekas penagih dadah di negara ini tidak akan dapat ditangani dengan sebaik-baiknya.

Beliau juga menekankan kepada pihak ibu bapa supaya melibatkan diri mereka dengan penuh komitmen bagi sama-sama mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memastikan



TIMBALAN Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dayang Hajah Shireen binti Haji Mustapha ketika menyampaikan sijil kepada seorang penerima yang berjaya menamatkan tempoh pengawasan di bawah Biro Kawalan Narkotik. - Gambar oleh Harun Rashid.

negara ini tidak dijadikan sarang penyalahgunaan dadah.

Tugas penting para ibu bapa, katanya, harus memastikan yang anak-anak mereka dikawal dari segi pergaulan, kegiatan seharian dan sebagainya kerana daripada 185 orang yang diletakkan di bawah Skim Pengawasan Biro Kawalan Narkotik bagi tahun 2001 dan dari jumlah tersebut 20 orang daripadanya telah didapati melanggar peraturan pengawasan, terutama sekali melibatkan diri kembali kepada penyalahgunaan dadah.

Mereka yang kembali terbit akan diambil tindakan undang-undang dengan menghadapkannya ke mahkamah dan jika sabit kesalahan akan dipenjara tiga tahun, jelasnya.

Beliau menasihatkan kepada para peserta skim supaya tidak lagi melibatkan diri dalam penyalahgunaan

dadah dan berusaha membuat penghidupan baru tanpa melibatkan diri dengan kegiatan penyalahgunaan dadah dan berusaha berdikari mencari kehidupan yang sihat.

Seramai 21 orang peserta yang telah berjaya menamatkan Skim Pengawasan Biro Kawalan Narkotik telah menerima sijil mereka yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dayang Hajah Shireen binti Haji Mustapha.

Para peserta skim tersebut akan menjalani latihan tidak melebihi 24 bulan dan perkembangan mereka akan dinilai dari masa ke semasa dengan mengarahkan mereka hadir melaporkan diri untuk ujian contoh air kencing dan pemeriksaan secara mengejut juga akan dibuat ke atas mereka di tempat-tempat pekerjaan mahupun di rumah.

Ikut kesesuaian, minat anak mereka

Oleh Abdullah Asgar

KAMPONG RIMBA. - Ibu bapa diingatkan supaya tidak memaksa anak-anak mereka mengambil sesuatu program tanpa mempedulikan kesesuaian dan minat anak mereka yang akhirnya menyebabkan kegagalan dan terpaksa bertukar ke program lain.

Ada juga ibu bapa yang tidak mengetahui sesi akademik di universiti yang menyebabkan mereka tertipu dan terpedaya oleh anak mereka yang ponteng kuliah pada musim dan waktu kuliah.

Perlu ditekan bahawa pelajar yang kerap tidak hadir kuliah atau tutorial boleh menyebabkan mereka disekat daripada menduduki peperiksaan.

Peringatan tersebut dilahirkan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Othman ketika merasmikan 'Study At UBD 2002' pada 16 Februari lalu di UBD.

"Perlu diingat bahawa pelajar yang gagal dalam peperiksaan dan mendapat status percubaan (probation) sebanyak tiga kali berturut-turut mengikut peruntukan dan peraturan yang sedia ada boleh diberhentikan dari meneruskan pengajian di universiti," tegasnya.

Menurutnya, kini orang ramai telah melihat UBD sebagai satu-satunya pusat pengajian yang berkemampuan untuk memberikan pendidikan universiti yang bermutu tinggi sebanding dengan tahap akademik universiti-universiti sebarang laut yang sudah lama 'established'.

"Biskita tidaklah perlu bimbang dan ragu tentang mutu dan tahap akademik pendidikan di UBD, nisbah pelajar:pensyarah di universiti ini adalah jauh lebih rendah dari yang terdapat di universiti sebarang laut," jelas Naib Canselor.

Katanya, dalam hal ini UBD adalah lebih baik jika dibandingkan dengan universiti-universiti di luar negara dengan mempunyai nisbah pelajar:pensyarah yang rendah.

"Perlu diambil kira bahawa lebih separuh dari tenaga pengajar di universiti ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai akademik luar negara yang berpengalaman mengajar di universiti-universiti sebarang laut yang sudah ternama, sementara tenaga akademik tempatan juga sebilangan besar mempunyai kelulusan sarjana dan Ph.D dari universiti-universiti ternama di sebarang laut," katanya.

Selain itu jelasnya, bagi memperluaskan Program-program Berkembar UBD sedikit masa lagi akan menjaya Program Berkembar bersama universiti-universiti dari Kanada, Australia dan United Kingdom dalam jurusan-jurusan lain akan dapat ditawarkan di tahun-tahun akan datang.

Antaranya, kata Naib Canselor, UBD akan mumpu-

nyai Program Berkembar dalam bidang IT dan Pelancangan dengan Northern Territory Universiti.

Setakat ini terdapat 3,187 orang bakal graduan belajar di UBD termasuk 98 orang pelajar antarabangsa yang datangnya dari negara-negara ASEAN, Kosovo, Mauritius, Guyana, Dominica, Zimbabwe, Kenya, Nigeria, Oman, Yemen, Gambia, Benin dan Maldives.

'Study At UBD 2002' yang dijalankan selama dua hari bertujuan memberi peluang kepada orang ramai khususnya ibu bapa dan pelajar-pelajar terutama pelajar lepasan Peringkat 'O' dan Lanjutan mengetahui program-program dan kursus yang terdapat di UBD.

Di majlis itu, Naib Canselor UBD juga melancarkan buku tulisan Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid yang bertajuk Bicara Sastera Brunei.

Di samping itu, selain 'Study At UBD 2002', UBD juga mengadakan kutipan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam Afghanistan dengan mengadakan beberapa aktiviti bazar dan jualan.

UBD juga mengadakan 12 sesi ceramah khas dengan 12 tajuk ceramah yang menarik mengenai isu-isu semasa yang bersangkut-paut dengan kehidupan seharian terutama dalam hal-hal kekeluargaan dan ekonomi.



PARA ibu bapa dan pelajar-pelajar terutama pelajar lepasan Peringkat 'O' dan Lanjutan ketika menyaksikan 'Study At UBD 2002' mengenai program dan kursus yang terdapat di UBD. - Gambar oleh Harun HR.



PENOLONG Pengarah Cawangan Pengawasan dan Penyiasatan, Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Roslan bin Haji Suhaili ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Pembebasan orang-orang yang di bawah pengawasan BKN. Majlis berlangsung di jabatan tersebut pada 7 Februari lepas. - Gambar oleh Harun HR.



BERSESAK ... Para Jemaah Masjid Perpindahan Kampung Pandan tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda sebaik sahaja baginda keluar daripada pintu masjid seurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Perpindahan Kampung Pandan.

Menunaikan Sembahyang Jumaat bersama rakyat

KUALA BELAIT. - Rakyat dan penduduk sekitar Kampung Pandan dan Mumong merasa berbesar hati dan gembira tidak menduga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat bersama mereka di Masjid Perpindahan Kampung Pandan di sini pada 15 Februari lepas.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Muteen.

Pesawat khas yang membawa baginda bersama putera-putera baginda mendarat di kawasan padang masjid tersebut kira-kira jam 12.40 tengah hari dengan dijunjung oleh Penghulu

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

Mukim Pekan Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Md. Said dan Pemangku Ketua Kampung Mumong, Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin serta ahli-ahli jawatankuasa masjid berkenaan.

Ini merupakan kali pertama baginda berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di masjid berkenaan. Dengan keberangkatan baginda itu mencerminkan sikap kemesraan baginda sebagai raja yang berjiwa rakyat. Begitu juga rakyat dan penduduk kampung itu khasnya dan negara ini amnya sentiasa menunjukkan sikap taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja yang dikasihi.

Melalui keberangkatan baginda seumpama

itu juga melambangkan kemakmuran, perpaduan dan kasih sayang yang erat terjalin di antara raja dengan rakyat dan penduduk negara ini yang hidup rukun dan damai di bawah pimpinan baginda yang begitu ambil berat dan prihatin mengenai kehidupan rakyat dan penduduk negara ini.

Imam pada hari itu, Wan Md. Ibrahim bin Wan Haji Abdul Rahman, manakala Khutbah Jumaat dibacakan oleh Imam Md. Said bin Haji Md. Yassin dengan tajuk khutbah 'Bendera Kebangsaan'.

Masjid Kampung Pandan terletak lima kilometer dari Pekan Belait. Masjid yang mempunyai keluasan 6.5 ekar itu dibina pada 18 Mac, 1984 dan siap keseluruhannya pada 17 Disember, 1995 dengan menelan belanja \$14 juta.

Masjid yang berhawa dingin itu mula digunakan pada 29 Januari, 1996 dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, antaranya perpus-

takaan dan pejabat yang boleh menampung seramai 1,100 jemaah.

Seperti masjid-masjid utama yang ada di negara ini, masjid tersebut juga bergiat aktif menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan antaranya Khatam Al-Quran, pertandingan syarahan agama, pembelajaran Al-Quran dan Mukaddam setiap hari Jumaat serta Kelas Dikir.

Selesai sahaja menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang sunat dua rakaat, para jemaah terdiri pelbagai peringkat usia setia menunggu untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Peluang keemasan seumpama itu sentiasa dinantikan dan akan menjadi ristaan sejarah rakyat dan penduduk kampung tersebut yang mengasah raja yang mereka sanjungi, kasihi dan hormati.



Berkenan meletakkan batu asas Bangunan Mahkamah Syariah

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima sembah penerangan mengenai projek pembinaan bangunan baru Mahkamah Syariah dari Pengurus Projek dan Arkitek, Awang Haji Wahab (atas kiri). Juga kelihatan berangkat menyaksikan pameran itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik. Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani batu asas bangunan baru Mahkamah Syariah. Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa majlis seurus selesai majlis berkenaan. - Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO dan Pengiran Rafee PDPHM.





SAMBUTAN HARI PUJA USIA ANJURAN PAPDA

DULI Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajah Mariam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain iaitu YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadziyah Lubabul Bulqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulla anjuran Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA).

Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Pg. Rafee PDPHM



DULI Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah para anggota Persatuan PAPDA yang sama-sama hadir bagi memeriahkan suasana Majlis Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulla yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 15 Februari lepas (gambar atas dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulla berkenan bergambar kenangan bersama ahli-ahli Kombo Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang terdiri dari ahli-ahli Persatuan PAPDA.



DULI Yang Teramat Mulla berkenan berbual mesra bersama seorang ahli Persatuan PAPDA (kanan).



SEORANG ahli Persatuan PAPDA yang cacat penglihatan merasa bertuah kerana dapat beramah mesra bersama Duli Yang Teramat Mulla (atas). Sementara gambar kanan, persembahan nyanyian dari kanak-kanak yang dijemput khas bagi memeriahkan suasana sambutan.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA ...

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

ALHAMDULILLAH, berbanyak syukur ke hadarat Allah Subhanahu Wataala kerana nikmat usia dilanjutkan-Nya dan kita berpeluang meraikan Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban pada tahun ini. Hari ini selain kita bergembira merayakan Hari Raya Korban, hari ini juga jatuh Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara kita yang dikasihi ini Negara Brunei Darussalam yang ke-18 tahun. Dengan bertemunya sambutan yang bermakna ini maka sewajarnya kita sambut dengan riang gembira dengan memperbanyakkan ucapan takbir 'Allahu Akbar' kita mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wataala. Dengan ucapan tahlil 'Laailaha illallah' kita mentauhidkan dan mengesakan Allah Subhanahu Wataala, manakala dengan ucapan tahmid, 'Alhamdulillah' kita sampaikan pujian kita kepada Allah Subhanahu Wataala sebagai petanda kesyukuran ke atas anugerah Allah Subhanahu Wataala Yang Maha Kaya kepada hamba-hamba-Nya. Ucapan takbir dan tahmid yang berulang-ulang kali itu hendaklah diserapkan ke dalam jiwa dan hati kita bukan sekadar mainan mulut sahaja.

Dalam riwayat Ahmad dan At-Tarmizi dari Ibnu Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tidak ada yang lebih agung bagi Allah Subhanahu Wataala dan lebih disukai-Nya untuk digunakan sebagai tempat beramal daripada hari-hari tanggal 10 Zulhijah ini.

"

DI DALAM kehidupan kita berkeluarga, berkampung, bermukim mahupun di dalam kehidupan bernegara maka takwa adalah sungguh penting ditanamkan di dalam jiwa setiap individu yang menggelar dirinya sebagai seorang Muslim yang beriman. Kerana dengan takwa, perjalanan kehidupan akan lebih terjamin keharmonian dan keselamatannya melalui pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala serta keberkatan yang dilimpahkan.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

ISLAM telah mempelbagaikan ibadat-ibadatnya dalam pelbagai bentuk, di antaranya ada berbentuk percakapan serta doa, zikir, seruan kepada kebajikan dan menyuruh berbuat baik, menegah dari berlakunya perkara kejahatan. Ada ibadat menjelma dalam bentuk perbuatan, sementara ada ibadat yang berkaitan dengan harta seperti mengeluarkan zakat atau sedekah dan ada ibadat menggabungkan antara dua badan dan harta iaitu fardu haji dan berjihad di jalan Allah Subhanahu Wataala, ibadat-ibadat itu diperintahkan bukan setakat untuk taat dan patuh kepada Allah Subhanahu Wataala tetapi mempunyai rahsia yang banyak bagi menjalani kehidupan ini.

Cuba tanya diri kita setakat mana pengorbanan yang kita lakukan terhadap suruhan dan larangan Allah? Sesungguhnya amat sukar bagi melaksanakan pengorbanan kerana ia memerlukan ketabahan jiwa, kekuatan melawan hawa nafsu yang ganas, setelah menguasai hawa nafsu barulah kita dapat melakukan sebarang amal yang baik. Sebab itulah pengorbanan yang paling bererti ialah berjuang melawan nafsu untuk menegakkan perintah Allah Subhanahu Wataala.

Bila kita singkap sejarah pengorbanan yang telah dilakukan oleh para Nabi dan Rasul, para sahabat dan ulama, bagaimana mereka bersedia berkorban jiwa dan raga, berkorban dengan harta atau wang ringgit, mereka

Ketakwaan penting ditanamkan di jiwa setiap individu

Khutbah Pertama

Maka perbanyakkanlah pada hari itu bertahlil, bertakbir dan bertahmid."

Di hari ini juga, Allah Subhanahu Wataala memberikan kesempatan kepada kita untuk menggunakan dan memanfaatkan rezeki yang telah dikurniakan kepada kita supaya melakukan ibadat korban yang mana ianya adalah termasuk dalam rangka usaha kita menyemarakkan dan mengagungkan syiar Allah Subhanahu Wataala dan sekali

gus menanamkan di dalam jiwa kita ketakwaan kepada Allah Rabbul Jalil.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 32 yang tafsirannya:

"Demikianlah ajaran Allah dan siapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah, maka dialah orang yang bertakwa kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin."

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Di dalam kehidupan kita berkeluarga, berkampung, bermukim mahupun di dalam kehidupan bernegara maka takwa adalah sungguh penting ditanamkan di dalam jiwa setiap individu yang menggelar dirinya sebagai seorang Muslim yang beriman. Kerana dengan takwa, perjalanan kehidupan akan lebih terjamin keharmonian dan keselamatannya melalui pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala serta keberkatan yang dilimpahkan.

Allah Subhanahu

Wataala berfirman dalam Surah Al-Akrab ayat 96 yang tafsirannya:

"Dan (Tuhan berfirman lagi) sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkat dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan Rasul Kami. Lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

Tetapi apakah akan terjadi jika kita remeh-remehkan ketakwaan itu serta meninggalkan perintah Allah Subhanahu Wataala dan larangan-larangan-Nya tidak kita hiraukan. Akibatnya tidak mustahil akan berlaku kehancuran akibat dari azab seksa Allah Azza wajjalla sebagaimana yang terjadi kepada Kerajaan Saba'. Negeri Saba' itu adalah sebuah negeri yang aman makmur sekali sehingga digelar oleh Allah dalam Al-Quran sebagai mana tafsirannya: "Negara yang baik dan dinaungi oleh Tuhan Yang Maha Pengampun."

Pembangunannya amat pesat hingga terbinanya empangan yang menahan

air hujan menjadikan tanahnya subur hingga menghasilkan tanaman-tanaman dan buah-buahan yang banyak serta kehidupan rakyatnya yang kaya raya. Sebabnya semua ini adalah kerana mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala, limpahan rahmat-Nya serta keberkatan-Nya. Dan adapun sebabnya ianya diredai, dirahmati dan diberkati tiada lain ialah kerana keadaan penduduknya yang taat berbakti kepada Allah, melaksanakan perintah-Nya dan menaungi larangan-larangan-Nya. Keadaan yang sedemikian ini berjalan bertahun-tahun lamanya sehinggalah penduduk-penduduknya yang tadinya taat berbakti kepada Allah, tiba-tiba menjadi orang yang derhaka kepada Allah Subhanahu Wataala, mengerjakan maksiat dan kemungkaran hingga perintah-perintah dan larangan-larangan Allah diabaikan.

Sebagai balasannya lalu Allah Subhanahu Wataala turunkan azab seksa yang berupa banjir yang besar akibat dari robohnya empangan yang mereka bina hingga segala tanaman, buah-buahan dan tempat kediaman mereka hancur dimusnahkan oleh banjir yang besar itu. Jadilah negeri yang asalnya

makmur, subur itu menjadi tanah yang tandus, kering dan mati. Penduduknya yang dulunya kaya raya berlimpah-ruah hartanya kini menjadi miskin, melarat dan hina-dina. Demikianlah balasan kepada manusia yang asalnya berbakti taat kepada Allah Subhanahu Wataala, lalu menjadi kufur tidak bersyukur sehingga tidak mempedulikan lagi segala perintah-perintah dan larangan-larangan Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Saba' ayat 17 yang tafsirannya:

"Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang kufur."

Kisah mengenai perihai kaum Saba' ini patut sekali kita renungkan dan perhatikan di dalam keadaan kehidupan kita, agar apa yang telah melanda kaum Saba' itu tidak akan berlaku kepada masyarakat kita. Namun begitu bala ujian daripada Allah itu mempunyai maksud-maksud dan hikmah yang dalam. Mungkin ia berlaku

kerana kederhakaan kita kepada Allah, mungkin juga kerana untuk meningkatkan darjat keimanan ataupun menghapuskan kesalahan-kesalahan kita yang telah lalu. Tetapi kalau kita bertakwa, apa jua ujian yang datang nescaya Allah akan menunjukkan jalan keluar bagi menghadapinya disebabkan oleh ketakwaan kita itu.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Talaq ayat 2 dan 3 yang tafsirannya:

"Dan siapa yang bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar dari segala perkara yang menyusahkannya. Serta memberikannya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan ingatlah siapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah maka Allah cukuplah baginya untuk menolong dan menyelamatkannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu".

Sifat berkorban perlu dihayati, dilakukan

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Khutbah Kedua

tidak teragak-teragak kerana keimanan dan kepatuhan kepada Allah Rabbul Jalil amat mendalam, mereka rela berkorban demi kejayaan mereka itu sehingga sekarang. Itulah hasil jerih payah dalam perjuangan mereka.

Pengorbanan mereka adalah pengorbanan yang tulen, jujur, taat, kesetiaan yang sejati terhadap perintah Allah Subhanahu Wataala, menerima dengan kerelaan hati semata-mata untuk mendapatkan 'mardatillah'. Pengorbanan yang mencetus sejarah dalam sejarah keagungan Islam yang wajar diikuti dan diteladani bagi keagungan masyarakat, bangsa, negara dan seterusnya kelangsungan umat Islam sejagat.

Hidup kita memerlukan perjuangan, perjuangan pula banyak menuntut pengorbanan, sama ada pengorbanan untuk rumah tangga, ibu bapa, anak-anak, keluarga, masyarakat, negara dan agama. Pengorbanan yang dikehendaki ini sama ada dalam bentuk harta atau wang ringgit dan kesenangan, pengorbanan tenaga atau fikiran dan masa, di samping itu juga kita perlu berkorban perasaan demi mencapai kecemerlangan dan kemajuan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sebagai orang Islam dan mengakui kebenarannya, sifat berkorban adalah amat perlu dihayati dan dilakukan tidak mengira

MARILAH kita tanamkan semangat berkorban tanpa mengira apa pun jenis pengorbanan yang kita boleh, besar atau kecil asalkan dengan niat yang suci dan ikhlas demi meninggikan kalimah Allah, berkorban adalah satu bentuk sosial atau kemasyarakatan menuju arah kesatuan dan perpaduan yang menjadi teras keharmonian hidup dan kemajuan umat.

ra waktu dan masa, tidak kira tempat dan di mana pun kita berada, di rumah, di pejabat, demi kecemerlangan dan kualiti sesuatu pekerjaan yang disandarkan kepada agama sudah semestinya menghendaki pengorbanan. Pengorbanan yang sejati berlandaskan agama dan atas dasar 'mardatillah' ialah mengutamakan kepentingan orang lain dari diri sendiri, insya-Allah akan sentiasa beroleh kejayaan dan kemenangan. Oleh itu jangan merasa takut atau merasa rugi apabila diminta berkorban menurut keupayaan atau kemampuan dalam menegakkan kebenaran dan memperoleh keuntungan di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Marilah kita tanamkan semangat berkorban tanpa mengira apa pun jenis pengorbanan yang kita boleh, besar atau kecil asalkan dengan niat yang suci dan ikhlas demi meninggikan kalimah Allah, berkorban adalah satu bentuk sosial atau kemasyarakatan menuju arah kesatuan dan perpaduan yang menjadi teras keharmonian hidup dan kemajuan umat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujurat ayat 15 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka terus percaya dengan tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar-benar pengakuan imannya".

Kunjungilah



PESTA BUKU BRUNEI 2002



BUKU UNTUK SEMUA
9 - 18 ZULHIJAH 1422
22 FEB - 3 MAC 2002

MASA DIBUKA: 8.30 pagi hingga 10.00 malam

Kecuali

Hari Raya Aidiladha

23 Februari 2002 : 10.00 pagi - 10.00 malam

Hari Kebangsaan

25 Februari 2002 : 1.30 petang - 10.00 malam

Hari Jumaat : 8.30 pagi - 11.30 pagi / 2.30 petang - 10.00 malam

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI

**Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas
Negara Brunei Darussalam**

Anjuran: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

SUDAH dua hari Lamudin ditahan di wad. Keadaan badannya masih lemah. Malah penglihatannya masih kabur. Terasa sukar menggerakkan badannya. Lemah sungguh. Dia hanya baring, air dari tiub putih menitis-nitis masuk ke dalam jasadnya melalui jarum yang ditusuk di lengannya. Jaidah anak sulungnya yang bekerja di bandar risau melihat keadaan ayahnya yang berusia enam puluh sembilan tahun itu.

Dua hari yang lalu, merupakan petaka besar yang menimpa keluarganya. Masa itu dia sedang membeli-belah di sebuah kompleks di ibu kota yang menawarkan potongan harga hingga 70 peratus. Jaidah dan suaminya Samin kemaruk oleh iklan besar di depan bangunan membeli-belah kompleks itu. Mereka menjelajah dari satu bahagian ke satu bahagian di dalam bangunan kompleks itu. Keratan iklan bergantung di atas syiling. 10 peratus, 15 peratus, 20 peratus, 30 peratus, dibuai angin pendingin hawa. Namun iklan yang menayangkan 70 peratus itu tidak kelihatan! Entah ada entahkan tidak. Jaidah dan Samin tidak dapat melihatnya. fon bimbitnya dan meng- Lebih satu jam kemu-

Tiba-tiba saja telepon bimbit Samin berbunyi. Sebuah lagu Hindi yang amat populer kedengaran. Pantas Samin mengambil telepon mudah alih itu.

"Hello."

"Abang Samin, kakak mana?" lemah saja suara yang didengar Samin. Samin tidak berkata, tangannya pantas menunjukkan telepon bimbit kepada Jaidah.

"Hello."

"Kak ... balik lekas ..."

"Tapi kenapa?"

"Entahlah kak ... Emah, ayah pening-pening. Muntah-muntah. Saya juga ..." Suara Jainun makin lemah. Jaidah diusik bimbang. Jantungnya berdenyut pantas. Mindanya menerawang memikirkan pelbagai kemungkinan. Sepantas itu Jaidah mengajak suaminya pulang. Mujur juga rumah orang tuanya tidak jauh dari ibu kota. Tak sampai sepuluh kilometer.

Bila Jaidah dan Samin sampai di rumah, mereka meluru masuk. Di ruang tamu, Jainun terjelompok. Badannya lemah. Matanya kuyu. Jaidah terkejut. Samin masuk ke ruang dalam, mak mertuanya tersandar di luar bilik tidurnya. Badannya kelihatan lemah. Dadanya berombak kencang. Samin memanggil isterinya. Dia mengangkat ibu mertuanya dan membawanya ke dalam bilik tidur. Di sana ayah mertuanya terbaring, badannya tidak bergerak. Jaidah hampir menjerit dan meluru ke arah keduanya. Dia tidak tahu apa yang telah menimpa mereka. Air mata Jaidah segera berjatuhan bila melihat keadaan mereka. Esak tangisnya mengiringi kebimbangan dan tandanya mengapa mereka jadi begitu.

Samin mengambil tele-

fon bimbitnya dan menghubungi rumah sakit untuk meminta menghantar ambulans. Masa dirasakannya amat lidut sekali. Terasa pergerakannya amat perlahan, amat menjemukan malah amat membimbangkan. Apa lagi keadaan ayah dan ibu mertuanya makin tenat. Sedang adik iparnya Jainun masih boleh bertutur dan berkata-kata meskipun lemah. Badannya berpeluh. Baju yang membalut tubuhnya basah.

"Tadi kami makan sayur cendawan." Tuturnya lemah.

"Cendawan? ... Cendawan dari mana?"

"Ayah yang menjumpainya semasa mencari rebung di hujung belukar dekat rumah." Suara Jainun makin lemah. Samin mundur-mandir menunggu ambulans tiba. Sedang Jaidah diamuk gundah, seperti pantai yang dilanda ombak di musim tengkujuh. Penerangan Jainun amat membimbangkannya. Dia tahu, cendawan memang ada yang mengandungi racun. Racunnya amat berbahaya. Tibatiba dia teringat kepada serbuk antreks yang dihebohkan orang sekarang. Terutama di Amerika Syarikat. Serbuk itu boleh membunuh! Begitu juga cendawan yang beracun.

Ambulans yang ditunggu tiba jua. Ketiga-tiga mangsa cendawan itu dibawa ke rumah sakit. Jaidah ikut di dalam ambulans. Samin mengikutnya dari belakang. Sampai di rumah sakit di bahagian kecemasan ketiga-tiga mangsa segera diberikan rawatan kecemasan. Jaidah dan Samin disuruh menunggu di luar. Masa menunggu itu dirasakan terlalu lama. Jaidah semakin gundah. Duduk pun dirasakan tidak selesa. Mata sering saja tertumpu ke bilik rawatan.

Lebih satu jam kemudian jururawat memanggil Jaidah dan Samin. Ayah Jaidah masih tidak sedar. Dia koma. Sementara ibu dan adiknya sudah beransur pulih, tetapi badan mereka masih lemah. Mereka disuruh berchat di WhatsApp yang ada di bahagian kecemasan.

"Mujur juga cendawan itu tidak kami berikan kepada jiran-jiran. Kalau tidak mungkin ramai lagi yang menjadi mangsa," kata ibunya.

“Bagaimana ayah tidak tahu dengan keadaan cendawan itu mak? Ayahkan arif dengan cendawan yang beracun dan tidak?”

"Entahlah. Tadi masa berjumpa cendawan itu, rasa tamaknya telah mempengaruhi dirinya."

"Tamak bagaimana mak?"

"Dia sengaja tak mahu memberitahu kepada jiran yang berjumpa dengannya di jalan tadi. Dia menutup cendawan dengan kayu. Bila kena tanya apa yang dibawahnya, dia mengatakan kayu untuk menyalai ikan."

Jaidah mengeluh. Dia sendiri hairan mendengar cerita ibunya. Setahunnya ayahnya memang seorang pemurah. Baik hati. Tapi mengapa hari itu dia seperti kedekut? Tamak? Persoalan itu tidak berjawab. Jaidah hanya mengeluh.

Kini Lamudin sudah dibenarkan

pulang. Keadaannya sudah bertambah baik. Meskipun badannya masih terasa lemah. Selera makannya juga tidak ada. Lidahnya seperti tidak berfungsi. Apa yang dimakan tidak menyelerakan. Rasa masin, rasa manis dan masam tidak dirasakannya.

Sementara isteri dan anaknya Jainun

AMBULANS yang ditunggu tiba jua. Ketiga-tiga mangsa cendawan itu dibawa ke rumah sakit. Jaidah ikut di dalam ambulans. Samin mengikutnya dari belakang. Sampai di rumah sakit di bahagian kecemasan ketiga-tiga mangsa segera diberikan rawatan kecemasan. Jaidah dan Samin disuruh menunggu di luar. Masa menunggu itu dirasakan terlalu lama. Jaidah semakin gundah. Duduk pun dirasakan tidak selesa. Mata sering saja tertumpu ke bilik rawatan.

BUKAN ANTREKS



CERPENI

OLEH
A. MOHAMMAD HAJI TIMBANG

sudah bertambah sihat. Selera makan mereka terbuka semula. Badan pun segar dan tidak lemah. Cuma mereka paling pobia bila mendengar cendawan disebut. Usahkan hendak makan, mendengarnya pun sudah gentar. Pengalaman pahit yang baru dilalui amat menghantui diri mereka.

Cuaca amat dingin meskipun tidak hujan. Waktu malam pendingin hawa tidak diperlukan. Sejuknya sampai ke tulang hitam. Cuaca yang tidak menentu mungkin menyebabkan keadaan menjadi dingin. Ketika ke Pasar Gadong pagi itu, Jaidah melihat kulat tahun. Tiba-tiba saja selernya terbuka. Rasa manis cendawan itu seperti terasa di hujung lidahnya. Dia membeli cendawan itu meskipun dijual dengan harga lima ringgit sekilo. Dibelinva dua kilo.

"Banyak sangat juga awak beli cendawan itu, Jaidah?" Samin memberi komen. Dia merasakan cendawan yang banyak itu tidak akan dapat dihabiskan oleh mereka berdua. Nak harapkan anak-anak mereka yang tiga orang itu, pasti mereka tidak mahu menjamah sayur cendawan itu. Sayur-sayur lain pun mereka tidak gemar memakannya, inikan pula cendawan yang jarang dijumpa. Selera mereka akan terbuka bila dihidangkan ayam goreng, sosej, burger, kebap, pizza. Paling biasa pun mi goreng.

"Saja saya beli lebih bang, nak bagi pada ayah, emak dan Jainun."

Lihat muka 13

PUISI

PROBLEM

Tatkala ia hadir
tak terfikir di ruang minda
rahmat terselindung di sebaliknya.

Hanya ada di akal fikiran
beribu persoalan dahagakan jawapan
mencari jalan penyelesaian
untukku akhiri segala bebanan.

Tetapi bila ia berakhir
jika ...
tidak kutemui kesudahan yang ideal
tidak kuperolehi kepuasan di hati
barulah kumenyadari
sebenarnya aku keliru.

Aimmie

Kembali Ke Matlamat Asal

Tempiasku bukan kerana mahu
menang
melihat keluarga terbiar menjunjung
idea konon benar
sayang agama sudah ada tapi kurang
arif gunakannya
perpisahan kita bukan aku meminta
terserah kamu semua
kita ada akal untuk berbicara
kalau dulu semua ikut bicara mereka
aku bukan senang untuk didodoi
dengan mimpi boneka yang kosong
aku melihat kita hampir terpesong dari
matlamat asal
hidup untuk sesama manusia
dan kerana Allah Taala.

Keikhlasan Hati

Sudah masanya kita memiliki rumah
berteduh dan membimbing keluarga
diri
di sini kita berjemaah sujud pada
Ilahi
inilah rumah di dunia untuk berjinan
sesama manusia dengan ikhlas
kunjung-mengunjungi sesama kita
bukan kerana alasan susah mengaga
aku tahu indung kita tak boleh
memandu
tapi bawalah siapa yang pandai
'drive'
untuk ikatan mesra dan kekeluargaan
sayangnya rumah tersergam
tukul berbunyi dan pahat mengetuk
sakit gegandang telinga berbagai
bicara
aku bisa bantu kamu tapi kamu tidak
mahu dibantu
terserah semua pada Ilahi yang
menentukan kita.

Nonim H.T.

PSB PERTAMA

Pertemuan sasterawan berlalu sayu
para sasterawan berkembang maju
sehalu tuju
detik sejarah berkembang maju
anjaran DBP merancang ke arah
matlamat
hargai penulis budiman tanah air
hasil anak bangsa Melayu jati
berbakti.

Budaya bahasa berjiwa bangsa
perkasa
para sasterawan berkongsi berbeza
haluan
duduk sepadan berbincang belum
sempurna
merempuh ruang budaya Melayu
mendayu
huraian kertas kerja modal perbualan
harapan peserta ingin bersesi soal
jawab.

Tanpa kepuasan kurangnya minda
berfungsi

menerokai ruang dalam masa yang
suntuk
luahan kata yang dikota tidak terucap
belum sempurna dan tiada persiapan
rapi
namun keinginan peserta bersua lagi
lain kesempatan PSB2 waktu yang
panjang.

Sesama sasterawan lama dan baru
anugerah tokoh-tokoh tidak muncul
tiba
perintis jalan pembuka hala tuju dan
cabaran
bertukar pandangan dan menimba
pengalaman
bergabung berkongsi duduk
berganding mesra
barulah sehati sejiwa budaya
bangsa.

Bung H.B.

TANGISAN ANAK KECIL

Keheningan pagi
terdengar tangisan
seorang anak kecil
meminta simpati.

DARAH MUDA

Kekabutan fikiran
menempah bahaya
darah muda ikut rasa
nyawa binasa.

PEWARIS BANGSA

Menjana fikiran
membuka minda
pewaris bangsa
berhati mulia.

PADIAN

Padian
yang kian hilang
ditelan usia
membawa lembaran sejarah kita.
Man Lara

AKU

Dulu-dulu lagi aku sudah kenal
siapa aku
aku manusia kerdil
lahir ke dunia ini.

Aku sudah mengenal erti kemiskinan
tak usah kau katakan
tentang budi
tentang jasa
tentang kemanusiaan
tentang keadilan
tentang kewajipan
tak perlu lagi diperhitungkan
tentang dunia akhirat
siapaku yang sebenarnya?

KISAH PILU

Sebuah diari
mencatat hikayat lalu
kini sudah tiba
kutitik terakhir sebuah riwayat
bersama musim yang berlalu
menyertai kisah pilu
hanya tinggal sia-sia
yang tak mungkin
kukurai kembali.

Kini kubangkit
dari kenangan silam
bersama tekad
dan kematangan
lahir dari kehancuran
yang tidak ingin
kurasai buat kedua kalinya.

Ros. Lan

Dari muka 12

Samin diam. Matanya
liar memerhati sayur dan
buah-buahan yang dijual
di sekitar Pasar Borong
itu. Ada beberapa jenis
buah tempatan yang di-
jual, mambangan, belunu,
durian sukang, mata ku-
cing, tarap, rambutan, bin-
jai, durian kuning, durian
putih dan kembayau.

"Aku tak mahu me-
makan cendawan!" La-
mudin menolak bila dihi-
dangkan sayur kulat
tahun. Dia masih pobia
dengan cendawan. Penga-
laman koma akibat makan
cendawan beberapa bulan
lepas masih bersarang di
dalam dirinya.

"Kami sudah makan
ayah. Tak ada apa-apa."

Lamudin diam. Minda-
nya masih mengingat cen-
dawan yang dimakannya,
yang menjadikan dirinya
terbaring hampir maut.

"Jangan takut ayah,
cendawan ini bagaikan
antreks yang dibisingkan
oleh orang Amerika. Di
sana memang kebanyakan
serbuk putih yang ditemui
di dalam sampul surat asli
serbuk antreks. Tetapi di
beberapa negara termasuk
negara kita, ada serbuk
putih yang disangka ser-
buk antreks, rupanya
bukan. Begitulah juga
dengan cendawan. Tak
semua cendawan mengan-
dungi racun." Panjang
lebar Jaidah memberi
penerangan. Namun La-
mudin tetap tidak bermi-
nat dengan sayur kulat
tahun yang terhidang di
hadapannya.

Lamudin amat serik.
Akibat makan cendawan,
dia koma lebih dua hari.

**KULAT tahun yang dijual
dipondok amat laris. Tak sampai
satu jam sayur bermusim itu
sudah habis terjual. Seratus dua
puluh ringgit terhidang di hadapan
Lamudin. Dia senyum. Hatinya
puas. Bersyukur ke hadrat Allah
kerana memberikannya rezeki
yang murah. Hanya dengan
menjual cendawan sudah dapat
wang. Begitulah pemberian Allah
jika sudah hendak diberi-Nya,
bukan susah.**



Badannya menjadi lemah.
Dia merasakan seperti
dirinya sudah meninggal
dunia.

"Aku bukan nak ber-
sumpah, tetapi selagi aku
ingat pengalaman semasa
terkena racun cendawan
dulu, aku tak akan me-
makan cendawan. Anak
cucu aku pun tak aku
galakan makannya.
Cendawan boleh mem-
bunuh!"

Masa berlalu amat pan-
tas, seperti tidak terasa
peredarannya. Seminggu
bagaikan sehari saja rasa-
nya. Peristiwa pahit yang
menghantui minda Lamu-
din mengenai cendawan
yang hampir meragut
nyawa dirinya, isteri dan
anak gadisnya masih ber-
sarang di mindanya.
Masih saja menghantui
dirinya. Petang itu ketika
dia mencari rebung di se-
kitar rumpun buluh tidak
jauh dari rumahnya, dia
terjumpa kulat tahun.
Amat banyak sekali.

Fikirannya berbelah
bahagi. Hendak diambil
atau tidak, tetapi rasa po-

biannya masih kukuh men-
cengkam dirinya.

"Kalau dijual boleh
dapat wang yang banyak."
Mindanya berhujah. Hati-
nya pula mengiakan.

"Kalau kau tak makan,
tak apa. Tapi kalau dijual
senang-senang dapat
wang. Mungkin lebih se-
ratus boleh dapat." Mono-
lognya berhujah. Lamudin
serba salah. Namun pen-
garuh wang memukau
dirinya. Tangannya meng-
ambil cendawan-cenda-
wan itu. Dia menjualnya
di pondok di hadapan
rumahnya. Memang pon-
dok itu dibina bagi me-
nempatkan barang jualan
yang mahu dijualnya. Ke-
dudukan rumahnya di
hadapan jalan raya, me-
mudahkan proses penju-
an. Selalunya di pondok
itu akan ditempatkan ke-
lapa tua dan muda, sayur
hutan seperti pakis, lami-
ding, buah nangka, betik
dan jagung yang diper-
olehi dari kebun di belan-
gang rumahnya.

Kulat tahun yang dijual
dipondok amat laris. Tak
sampai satu jam sayur ber-
musim itu sudah habis ter-
jual. Seratus dua puluh
ringgit terhidang di hadap-
an Lamudin. Dia senyum.
Hatinya puas. Bersyukur
ke hadrat Allah kerana
memberikannya rezeki
yang murah. Hanya den-
gan menjual cendawan
sudah dapat wang. Begitu-
lah pemberian Allah jika
sudah hendak diberi-Nya,
bukan susah.

"Semuanya ayah jual
mak?" Jaidah bertanya
bila diceritakan pasal kulat
tahun yang dijumpai ayah-
nya.

"Dia menjual semua.
Tak dibenarkan kami me-
nyimpannya. Apa lagi
hendak makannya. Dia

masih dihantui rasa
takut." Jaidah hanya me-
ngeluh, rasa manis kulat
tahun terasa di bibirnya.

Malam itu ketika Jai-
dah dan Samin menonton
televisyen, mereka amat
terkejut dengan berita be-
berapa orang dikejarkan
ke rumah sakit kerana me-
makan cendawan! Lamu-
din yang juga menonton
berita itu merasa amat ter-
kejut. Tiba-tiba saja rasa
bersalahnya bersarang di
dada. Dia menyalahkan
dirinya kerana menjual
cendawan itu. Wang se-
ratus dua puluh ringgit
dirasakannya bagaikan
racun yang boleh mem-
bunuh.

"Aku jadi pembunuh.
Aku pembunuh."

Malam itu Lamudin
seperti tidak sedarkan diri-
nya. Dia meracau. Sering
saja dia mengaku dirinya
sebagai pembunuh. Jaidah
dan Samin dipanggil. Me-
reka menenteramkan La-
mudin. Mereka memujuk-
nya. Lamudin masih men-
jerit-jerit menyalahkan
dirinya.

"Ayah, ayah tidak ber-
salah."

"Tetapi pasal cenda-
wan itu mereka mungkin
mati."

"Tidak ayah. Mereka
selamat. Mereka sekadar
keracunan saja."

"Tetapi kalau ayah
tidak menjualnya, mereka
tidak akan merasa seperti
yang pernah aku rasakan.
Cendawan itu memang
boleh membunuh. Jangan
kamu makan cendawan!"

"Ayah, cendawan yang
mereka makan, bukan cen-
dawan yang ayah jual.
Mereka memakan cenda-
wan seperti yang ayah
makan tempoh hari."

Lamudin terlopong.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentias Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

RABU 27 FEBRUARI

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.25	GEMA ISLAM
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: DI LUBUK HATINYA
11.00	WAYANG PILIHAN - 'Pacific Heights'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 1 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	FUN TIME - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	HOME GREEN HOME
12.15	DISCOVER ISLAM
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINAMIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Against The Tide'
3.51	AZAN ASAR
4.45	KUIZ HIJRAH 1423
5.30	TECHNOLOGY WORLD
5.45	BERITA
6.15	AT TAHZIB
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	AN NAZHAFAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	ALAM FLORA
7.43	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA ASAM GARAM - Ulangan
9.30	HEALTH WORKS
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDRAMA - 'Aku Tak Berdosa' Bhg IX

12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 2 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR: STORKS TALES/THE ADVENTURES OF BLINKY BILL
11.00	SCIENCE INSIGHT
11.30	BERITA
12.00	DRAMA CO PRODUCTION: CATATAN MISTERI - Ulangan
12.34	AZAN ZUHUR
12.40	DOKUMENTARI TEMPATAN: WARISAN BUDAYA - Ulangan

PETANG

1.20	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Major League'
3.00	DOKUMENTARI: 'Silat Cakak Asli Brunei' - Ulangan
3.30	DOKUMENTARI - 'Invaders'
3.50	AZAN ASAR
4.25	SPORTWORX
5.45	BERITA
5.55	UNEARTHED
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	WASIAT IMAN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	KLINIK KITA Bhg II - Siri Baru
7.43	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Shadow Lake'
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 3 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI -

Siaran Langsung

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.15	KLIK! KLIK! KLIK!
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Rover Dangerfield'
12.34	AZAN ZUHUR

PETANG

1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - Preview
2.50	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 -
2.45	DRAMA STV 12 - 'Pasir Panjang Roboh' Bhg VI
3.40	PERTANDINGAN BINTANG KECIL 2002 - 'Suku Akhir Pertama'
3.50	AZAN ASAR
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.45	BERITA
5.55	MUSLIMS OF THE WORLD
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	LANTIRA

MALAM

7.00	ZIHNUH ISLAM
7.43	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Raja Bersiong'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	STINGERS - 'Talker'
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 4 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
5.15	ANIMATION HOUR: THE ZETA PROJECT/THE ADVENTURES OF

SUPER MARIO BROS

5.15	SUKAN GLOBAL
5.45	BERITA
5.55	CUTTING EDGE
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL - Ulangan
7.43	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: MENONGKAH ARUS
9.25	MELODI KASIH
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE PLANET'S FUNNIEST ANIMALS
11.00	WILD ONES
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 5 MAC

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR - 'Pelenzinho' - Siri Baru Dragon Tales' - Ulangan
11.15	DOCUMENTARY
5.45	BERITA
6.05	DRAMA CO PRODUCTION: SITI AYU - Ulangan
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	COSBY - 'Basketball Story'
7.25	DOKUMENTARI SELAGI DAYA
7.43	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DOKUMENTARI SUKAN: 'Silat Cakak Asli Brunei'
9.25	ELEMENTS
10.00	NEWS AT 10
10.30	ADRENALIN JUNKIES
11.15	FIRE
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 28 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: 'BLINKY BILL/BATMAN OF THE FUTURE'
5.15	WORLD OF AUDUBON
5.45	BERITA
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATHS



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie melakukan senaman bersama-sama kira-kira 700 orang kanak-kanak sekolah, para pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai sejurus selepas melancarkan Aktiviti Cara Hidup Sihat bagi Mukim Serasa dan Mentiri. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.



LEBIH 700 orang peserta menyertai senaman beramai-ramai sebelum memulakan jogaton sempena Aktiviti Cara Hidup Sihat bagi Mukim Serasa dan Mentiri. Majlis berlangsung di Padang Sekolah Rendah Sultan Omar Ali Saifuddin, Pekan Muara. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Kebersihan penting jaga kesihatan

Oleh Haji Ahmad HS

MUARA. - Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara berkata, di samping kegiatan-kegiatan jasmani dan pengambilan makanan, faktor kebersihan adalah penting untuk menjaga kesihatan.

Tambahnya, walaupun kita mempunyai badan yang sihat, makanan yang berzat, jika makanan itu dicemari oleh kekotoran, besar kemungkinan kita akan diserang oleh penyakit-penyakit seperti sakit perut dan cirit-birit.

Abang Haji Hepnie menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Aktiviti Cara Hidup Sihat bagi Mukim Serasa dan Mentiri di Padang Sekolah Rendah Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), Pekan Muara pada 17 Februari lalu.

Menurut beliau, kekotoran yang ada di sekeliling kita merupakan sarang-sarang bagi kuman-kuman membiak, jika tidak dibersihkan ia bukan sahaja menjangkiti makanan, malah boleh menyerang dan seterusnya menyebabkan kita jatuh sakit.

Menyentuh mengenai keselamatan alam persekitaran, beliau berkata, penggunaan racun-racun dalam sektor pertanian, bahan kimia yang berlebihan dan pembuangan sisa-sisa industri yang tidak diawasi akan menjejaskan konsep 'mesra alam', keseimbangan hidupan liar dan membawa kekurangan pembiakan hidupan laut.

Tema yang dipilih ialah 'Hidup Sihat

Sepanjang Hayat' dengan matlamat untuk memberi, mempromosikan dan memperingkatkan kesedaran kepada semua orang pentingnya mempunyai tubuh badan yang sihat dan menjaga kesihatan untuk mencapai kesejahteraan hidup secara keseluruhan.

Lebih 700 orang terdiri daripada anak-anak sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan orang ramai menyertai aktiviti tersebut. Sebelum memulakan jogaton para peserta bersama tetamu kehormat melakukan senaman beramai-ramai.

Selepas itu, para peserta menyertai larian jogaton mengelilingi Pekan Muara yang bermula dan berakhir di Padang Sekolah Rendah SOAS yang melalui sepanjang jalan Balai Polis, Balai Bomba dan kedai.

Sempena Pelancaran Aktiviti Hidup Sihat Sepanjang Hayat, Kementerian Kesihatan telah mengadakan pemeriksaan percuma kepada orang ramai bagi beberapa penyakit seperti darah tinggi, berat badan, ketinggian dan status antigen penyakit Hepatitis B serta pameran kesihatan yang diadakan di Pusat Kesihatan Muara.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Pada 20 Januari, 2002 lalu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menemui para penuntut Brunei Darussalam di seberang laut. Nyatakan di manakah tempatnya?
a) Kuala Lumpur
b) Mesir
c) London
- Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Pelancaran Penubuhan Program Anak Angkat Masjid Muhammad Jamalul Alam Kuala Belait telah dilancarkan pada 12 Januari, 2002, berapa ramai anak yatim yang menyertai program itu?
a) 100 orang
b) 185 orang
c) 170 orang
- Apakah tajuk Irsyad Hukum dalam PELITA BRUNEI keluaran 23 Januari lalu?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
Jawapan Alai Pintar keluaran 6 Februari, 2002.
1. A 2. A 3. KESABARAN MEMANTAPKAN KEIMANAN.

Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 6 Februari, 2002

MOHD. KHAIRUL ANNUAR BIN AFFENDY
NO. 12, JALAN 64,
KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BC 3115.
UMUR: 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MASNA

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 518

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 518,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

VANESSA LEONG
NO. 361, KAMPONG SUNGAI TILONG,
JALAN MUARA.
UMUR: 8 TAHUN
SEKOLAH SAINT ANDREW



سَمبُوتَانِ اُولَئِ تَاهُونِ هَارِي كِبَغْسَاءَن ك-١٨
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-18
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مَمْفَرَكَا س كَاوَقَايَا عَن بَغْسَا


MEMPERKASA
KEUPAYAAN BANGSA

23 Februari 2002



ASEAN + 3 SUMMIT
2001

Pundak Best Bagan
BRUNEI DARUSSALAM



Diberikan oleh



Jabatan Pendidikan
Jabatan Bertani Maritim
Negara Brunei Darussalam

81/2002




سَمبُوتَانِ اُولَئِ تَاهُونِ هَارِي كِبَغْسَاءَن ك-١٨
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-18
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

مَمْفَرَكَا س كَاوَقَايَا عَن بَغْسَا

MEMPERKASA
KEUPAYAAN BANGSA

23 Februari 2002



Diberikan oleh



Jabatan Pendidikan
Jabatan Bertani Maritim
Negara Brunei Darussalam

82/2002



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/APM. 2002/07

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berkecualan untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI 'TO SUPPLY AND INSTALL 60 UNITS OF CHAIRS AT ARRIVAL HALL FOR TERMINAL COMPLEX, AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI 'TO SUPPLY AND INSTALL 60 UNITS OF CHAIRS AT ARRIVAL HALL FOR TERMINAL COMPLEX, AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' - Bilangan Tawaran : JPA/APM. 2002/07 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Pengerusi Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 18 Mac, 2002. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat (Isnin - Khamis dan Sabtu) dengan cagaran sebanyak \$25.00 (tidak dikembalikan).
5. Penerangan-penerangan yang lebih lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengerusi Lapangan Terbang, Kompleks Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui telefon 02-330142 atau 332337 sambungan 1484 atau melalui faks : 02-331772.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E8/03/2002

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 'ALAT PANDANG DENGAR UNTUK PUSAT TEKNOLOGI PENDIDIKAN UBD'

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 4 Mac, 2002.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dan tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran tawaran (tender fee) adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Bayaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona fide tender). Waktu menerima bayaran tawaran adalah seperti berikut : Isnin - Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. 1.30 petang hingga 2.30 petang. Hari Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : UBD/E8/03/2002 : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 'ALAT PANDANG DENGAR UNTUK PUSAT TEKNOLOGI PENDIDIKAN UBD. Bayaran Dokumen & Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).



JABATAN URUSAN HAJI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TAWARAN PERKHIDMATAN PAKEJ UMRAH
TAHUN 1423 HIJRAH/2002 - 2003 MASIHI

Syarat-Syarat Perkhidmatan Pakej Umrah :

PERMOHONAN-PERMOHONAN adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat Agensi Pelancongan yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memohonkan untuk memasuki Sistem Perkhidmatan Pakej Umrah bagi 1423 Hijrah/2002 - 2003 Masihi dengan mengikut peraturan-peraturan berikut :

